

Laporan
Tahunan
2017



LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA



KANDUNGAN



01 | MASA DEPAN YANG CERAH

Pengerusi MIDA, Tan Sri Amirsham A. Aziz, membicarakan tentang kedudukan Malaysia di persada dunia serta trajektori masa depan dalam dunia yang sentiasa berubah.

Muka surat

4-7



02 | MEMANFAATKAN TREND MEGA

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, membicarakan tentang strategi mega yang akan dilaksanakan oleh MIDA untuk mendapatkan pelaburan dalam landskap perniagaan yang semakin kompetitif.

8-11



03 | PENGURUSAN

Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Carta Organisasi MIDA pada tahun 2017.

12-17



04 | MEMBINA LEGASI

MIDA merupakan agensi penggalakan pelaburan yang utama di Malaysia yang menjalankan fungsi-fungsi yang sejajar dengan agenda pembangunan ekonomi negara.

18-19



05 | KERAHAN SETIAP SISTEM

Sektor perkhidmatan Malaysia telah menjadi salah satu pemacu utama ekonomi yang telah menyumbang lebih separuh daripada KDNK negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

20-29



06 | KE ARAH PENINGKATAN NILAI

MIDA telah mengubah landskap industri negara daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada sebuah negara perindustrian tinggi yang kini merangkumi IoT dan Industri 4.0.

Muka surat

30-43



07 | MENGEKALKAN KEGEMILANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

MIDA merupakan agensi unggul Malaysia yang berusaha untuk menarik minat pelabur di dalam dan di luar negara.

44-49



08 | PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

50-79



09 | LAMPIRAN

Pada tahun 2017, MIDA memainkan peranan sebagai agensi utama mempromosi pelaburan di dalam dan di luar negara.

80-95



10 | TEMUI MIDA

Alamat ibu pejabat, pejabat-pejabat MIDA di dalam dan di luar negara.

96-98

Pengerusi MIDA, Tan Sri Amirsham A. Aziz, membicarakan tentang kedudukan Malaysia di persada dunia serta trajektori masa depan dalam dunia yang sentiasa berubah. |



Kenyataan Pengerusi



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ
Pengerusi, MIDA

01 | MASA DEPAN YANG CERAH

Semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Malaysia telah berjaya beralih dari negara pertanian menjadi salah satu pasaran perindustrian baharu yang paling pesat berkembang di Asia.

Susulan pengukuhan ekonomi global pada tahun lalu yang berkembang kepada anggaran pertumbuhan 3.6 peratus berbanding 3.2 peratus pada tahun 2016, jangkaan permintaan global yang lebih kukuh dan pasaran kewangan yang optimistik merupakan kemajuan sihat yang bakal disaksikan pada tahun 2018.

Sejajar hasrat untuk menjadi pemain pasaran utama dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, Malaysia kini merupakan salah sebuah ekonomi yang paling terbuka di dunia dengan nisbah purata perdagangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi 140 peratus sejak tahun 2010. Keterbukaan kepada perdagangan dan pelaburan ini memainkan peranan penting dalam penjana pekerjaan dan pertumbuhan pendapatan, di mana kira-kira 40 peratus pekerjaan adalah berkaitan dengan aktiviti eksport. Oleh itu, meskipun berhadapan dengan krisis kewangan Asia pada tahun

1997-1998, ekonomi Malaysia menunjukkan prestasi menaik yang melangkaui jangkaan, berdasarkan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.9 peratus pada akhir tahun lalu. Prestasi ini adalah melebihi KDNK yang direkodkan pada tahun-tahun terdahulu iaitu 4.2 peratus pada tahun 2016 dan 5.0 peratus pada tahun 2015.

Kemajuan ke arah status negara berpendapatan tinggi ini seperti yang dinyatakan oleh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), merupakan bukti peranan MIDA dalam merealisasikan visi Malaysia untuk menjadi negara perindustrian maju menjelang tahun 2020. MIDA akan terus berkhidmat secara kreatif dan erat dengan pelabur-pelabur global dan agensi-agensi lain untuk memacu pertumbuhan dan pembangunan ekosistem pelaburan yang komprehensif dalam menggalakkan pelaburan berkualiti di negara ini.



Penubuhan MIDA pada tahun 1967 telah diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai “pendorong yang diperlukan bagi tindakan penggalakan yang bertujuan, positif dan terselaras” bagi pembangunan perindustrian Malaysia.

Tahun 2018 dikenal pasti sebagai tahun yang agak optimis, susulan kebangkitan perlindungan perdagangan dan ketegangan geopolitik. Pertumbuhan perdagangan negara pada tahun 2017 berada di tahap tertinggi dalam tempoh 13 tahun yang mencatatkan lonjakan sebanyak 19.4 peratus kepada RM1.774 trilion berbanding RM1.486 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport mencatatkan peningkatan besar sebanyak 18.9 peratus, pertumbuhan paling pesat sejak tahun 2005 yang mencecah paras tertinggi baharu RM935.39 bilion berikutan permintaan kukuh dalam beberapa sektor ekonomi. Sebagai sebuah negara perdagangan, Malaysia melonjak ke tahap baharu yang lebih tinggi dalam pelaburan tempatan dan asing berkualiti yang disasarkan, seterusnya membangun dan mengukuhkan lagi kluster industri dan rantaian nilai.

Kemajuan Malaysia ternyata meraih pengiktirafan antarabangsa. Indeks Daya Saing Global oleh *World Economic Forum* bagi tahun 2017-2018 meletakkan negara di kedudukan ketiga bagi '*Strength of Investor Protection*', sementara '*Bloomberg's Emerging Market Scorecard*' mengiktiraf Malaysia sebagai pasaran membangun yang paling menarik di Asia dan ke-5 di dunia bagi tahun 2018. Negara juga tersenarai di kalangan 20 ekonomi yang sedang beralih dari ekonomi berpacuan kecekapan kepada ekonomi yang lebih berteraskan inovasi. Satu langkah ke hadapan bagi peralihan ini adalah dengan mengungguli ekonomi digital untuk kekal berdaya saing dan relevan dalam persekitaran perniagaan yang moden. Sebagai sebuah negara yang berdaya tahan dengan asas yang kukuh, ternyata Malaysia mampu untuk menjadi juara global menerusi integrasi dalam rantaian bekalan antarabangsa oleh pertumbuhan perniagaan tempatan, termasuk PKS, untuk menyertai peralihan global ini. Seterusnya, ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan mahir untuk tenaga kerja tempatan.

Dalam era Industri 4.0 kini, kita perlu cekap dan berkesan dalam menyeimbangkan di antara operasi manusia dan jentera digital dalam pelbagai industri. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh The Boston Consulting Group, Industri 4.0 menunjukkan masa hadapan yang cerah dalam pendigitalan produk dan perkhidmatan serta kaedah perkilangan dan kejuruteraan robotik, di mana syarikat dapat meningkatkan produktiviti buruh sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2024.

Bagi Malaysia, kita perlu menghadapi teknologi baharu ini dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti



"Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan pelaburan yang berterusan pada tahun 2016 dengan pelaburan yang diluluskan bernilai RM207.9 bilion pada tahun tersebut" - Kenyataan Sidang Media Tahunan MIDA, pada 2 Mac 2017 di Kuala Lumpur

serta mengembangkan pasaran melalui platform digital. Sehubungan itu, MIDA berterusan menggalakkan perniagaan untuk menceburi teknologi dan proses perkilangan pintar. Seterusnya, kerjasama di antara pihak industri dan akademia serta institusi R&D juga penting dalam peralihan negara daripada sekadar membangunkan teknologi kepada teknologi yang dapat membangunkan produk.

Malaysia telah pun mula bergerak terutamanya dalam industri elektronik, automotif dan pembinaan yang telah meningkatkan teknologi perkilangan moden ke arah Industri 4.0. Menerusi kebangkitan kluster ekonomi serantau seperti Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), Malaysia memiliki asas teknologi untuk melonjak dan memanfaatkan pasaran ASEAN yang lebih luas, termasuk akses yang lebih baik kepada ekonomi negara Asia dan Eropah melalui pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas. Kebanyakan negara ASEAN seperti Vietnam, Laos dan Kemboja sedang melalui kemajuan pesat

dalam produktiviti dan pertumbuhan industri perkilangan daripada industri berorientasikan pertanian yang menyaksikan transisi dari Industri 2.0 terus ke Industri 4.0.

Bajet 2018 telah memperkenalkan insentif baharu untuk syarikat-syarikat melabur dalam teknologi dan perkakasan baharu dan kami berharap agar peruntukan ini dimanfaatkan dalam pelbagai sektor. MIDA juga akan meneruskan usaha dalam melakar landskap pelaburan akan datang dengan menjana pelaburan berkualiti dalam teknologi baharu dan sedang muncul bagi memenuhi aktiviti di peringkat global.

Selaku Pengerusi, saya ingin merakamkan penghargaan kepada setiap pihak yang terlibat terutamanya pihak pengurusan dan kakitangan MIDA yang telah membanting tulang bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Kepada para pemain industri, pemegang taruh dan seterusnya rakyat yang telah menyumbang kepada ekonomi dalam skala yang luas, terima kasih tidak terhingga atas sokongan yang berterusan. Saya yakin bahawa sebagai sebuah negara, kita bersedia untuk menempuh perjalanan yang mengujakan menuju masa depan yang cerah yang belum pernah disaksikan sebelum ini, di samping Pasukan MIDA dan pemain-pemain industri tempatan.

“ Bagi Malaysia, kita perlu menghadapi teknologi baharu ini dengan meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta mengembangkan pasaran melalui platform digital. ”

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, membicarakan tentang strategi mega yang akan dilaksanakan oleh MIDA untuk mendapatkan pelaburan dalam landskap perniagaan yang semakin kompetitif. |



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA

02 | MEMANFAATKAN TREND MEGA

MIDA telah berjaya melakar satu lagi tahun yang membanggakan dalam usaha untuk memacu agenda pelaburan negara. Sepanjang lima dekad yang lalu, MIDA menerajui usaha pelaburan negara dengan menawarkan bantuan dan sokongan yang penting kepada pelabur dengan matlamat untuk mentransformasi ekonomi negara dan meningkatkan profil pelaburan Malaysia.

Bermula sebagai lokasi bekalan buruh yang murah dan perkilangan bernilai rendah pada tahun-tahun awal, Malaysia telah berkembang sebagai salah satu destinasi paling menarik bagi projek-projek yang bernilai tambah tinggi di ASEAN dan negara membangun.

melaksanakan perubahan agar lebih menonjol di persada dunia. Dengan memanfaatkan trend baharu, Malaysia dijangka akan dapat menggiatkan usahanya dengan lebih pesat untuk menjadi ekonomi berpacuan inovasi.



MIDA dahulunya dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dan merupakan agensi utama kerajaan dalam memantau dan memacu pelaburan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan di Malaysia.

Sebagai agensi penggalakan pelaburan utama negara, MIDA telah memanfaatkan trend mega untuk mendorong transformasi Malaysia ke arah ekonomi maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai matlamat itu, MIDA telah menumpukan usaha untuk menarik lebih banyak projek pelaburan berkualiti dan bernilai ditambah tinggi yang dapat memacu pemindahan pengetahuan dan peningkatan kemahiran di dalam negara. Kemunculan gelombang trend mega seperti Industri 4.0 dan ekonomi digital yang dipacu oleh *Internet of Things* (IoT) telah menawarkan peluang baharu kepada tenaga kerja dan perniagaan di Malaysia untuk

Seperti lazim, strategi MIDA kekal tertumpu untuk menarik pelaburan asing berkualiti yang akan menyumbang impak positif kepada ekonomi Malaysia. Selaras dengan ini, MIDA telah menganjurkan pelbagai program promosi pelaburan di pelbagai lokasi luar negara seperti India, Jepun, Jerman, Sweden, Belgium, Belanda, Sepanyol, Perancis dan Korea. Usaha MIDA tidak hanya terbatas kepada promosi di luar negara, pada tahun 2017 juga MIDA juga telah menjemput delegasi dari ekonomi perdagangan utama ke Malaysia untuk menyertai aktiviti penggalakan tempatan bagi mengetahui dengan lebih mendalam tentang negara ini.

Ini termasuk usaha sama dengan Nikkei Jepun bagi menganjurkan Forum Perniagaan Malaysia Nikkei 2017 yang telah menarik lebih 500 peserta dari Jepun, di mana 50 peratus daripadanya telah menyatakan hasrat untuk melabur di Malaysia dalam tempoh terdekat.

Dengan berbesar hati dapat kami katakan bahawa usaha-usaha penggalakan pelaburan MIDA ternyata telah membuahkan hasil. Pada tahun 2017, Malaysia telah menarik pelaburan berjumlah RM200.6 bilion yang meliputi 5,608 projek. Menerusi projek-projek ini, dianggarkan sebanyak 139,501 pekerjaan akan diwujudkan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Sebahagian besar pelaburan baharu ini terdiri daripada industri berkemahiran dan bernilai tambah tinggi yang diutamakan oleh MIDA selaras dengan sasaran Kerajaan. Pelaburan ini adalah daripada nama-nama besar dalam dunia perniagaan global termasuk Osram Opto Semiconductors menerusi kilang cip LED ternama yang bakal menjadi terbesar di dunia, B.Braun menerusi Pusat Kecemerlangan Global untuk produk Intravenous Access yang merangkumi kegiatan pengeluaran dan R&D, Peugeot menerusi hab perkilangan ASEAN baharu yang dijangka memulakan pengeluaran model Peugeot dan Citroen pada tahun 2018 dan 2019 masing-masing, IKEA menerusi Pusat Pengedaran Serantau dan Rantaian Bekalan untuk ASEAN, Honeywell menerusi Ibu Pejabat Serantau untuk ASEAN dan Schlumberger yang telah menjadikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan perkongsian terbesar meliputi pusat perkhidmatan perolehan, hab sumber manusia dan hab kewangan.

Pelabur-pelabur domestik juga adalah tidak ketinggalan. Berdasarkan agenda hadapan Kerajaan yang kekal mengutamakan pelaburan domestik, MIDA juga teguh menyokong pembangunan syarikat dan perniagaan tempatan. Pada tahun 2017, MIDA telah melaksanakan beberapa inisiatif dengan matlamat untuk menyokong dan memacu perniagaan tempatan serta menjalin kerjasama dengan pelbagai konglomerat tempatan dan antarabangsa untuk memastikan hubungan perniagaan yang erat dan perkongsian idea yang menyeluruh. MIDA telah menganjurkan beberapa siri persidangan rantaian bekalan bagi membantu pembangunan rantaian bekalan tempatan untuk MNC. MIDA juga telah menubuhkan Meja Pelaburan PKS yang khusus di Ibu Pejabat MIDA dan 12 pejabat negeri bagi memudahkan lagi pembangunan pelaburan domestik.



Tahun 2017 juga menyaksikan MIDA melaksanakan beberapa misi pelaburan khusus di pelbagai negeri di Malaysia termasuk Perak, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan dan Sabah. Melalui misi ini, MIDA berhasrat untuk menggalakkan perniagaan tempatan yang baharu dan sedia ada untuk membesarkan operasi dengan menawarkan sokongan dalam bentuk perkongsian maklumat khusus mengenai dasar semasa dan bantuan yang ditawarkan oleh Kerajaan dalam menangani isu dan cabaran yang dihadapi oleh perniagaan.

Usaha berterusan oleh MIDA telah membuka laluan kepada banyak pelabur yang ingin melabur di Malaysia dan membina asas yang kukuh bagi usaha pelaburan dan pembangunan negara di masa hadapan.

Sedang Malaysia melangkah dengan yakin ke arah visi untuk menjadi negara maju berpendapatan tinggi, MIDA juga turut gigih berusaha untuk menggalakkan projek-projek berorientasikan inovasi dan berintensifkan pengetahuan dalam industri pertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi. Adalah diharapkan agar kesan limpahan

projek-projek ini akan memberi impak positif kepada rakyat, di mana limpahan dan peluang ini dapat sama-sama dimanfaatkan untuk membina landskap perniagaan yang lestari dan bersasarkan masa hadapan yang akan berterusan menarik pelaburan di tahun-tahun akan datang.

“ Pada tahun 2017, MIDA telah melaksanakan beberapa inisiatif dengan matlamat untuk menyokong dan memacu perniagaan tempatan serta menjalin kerjasama dengan pelbagai konglomerat tempatan dan antarabangsa untuk memastikan hubungan perniagaan yang erat dan perkongsian idea yang menyeluruh. ”

Lembaga Pengarah, Pengurusan dan Carta Organisasi MIDA pada tahun 2017.



03 | PENGURUSAN

Lembaga Pengarah MIDA terdiri daripada tiga belas (13) anggota diketuai oleh seorang Pengerusi yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Ahli-ahli lain Lembaga Pengarah termasuk Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, seorang wakil kanan daripada Kementerian

Kewangan, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, wakil kerajaan Sabah dan Sarawak. Lembaga Pengarah juga mempunyai tujuh anggota daripada sektor swasta mewakili sektor-sektor komersial, perkilangan, kewangan, perindustrian dan perkhidmatan.



TAN SRI AMIRSHAM A. AZIZ
Pengerusi, MIDA



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



DATUK SERI J. JAYASIRI
Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan
Antarabangsa dan Industri (MITI)



DATO' KHODIJAH ABDULLAH
Setiausaha Bahagian Cukai
(SBC), Kementerian Kewangan /
Perbendaharaan Malaysia



DATUK HAJI HASHIM PAJJAN
Setiausaha Tetap
Kementerian Pembangunan
Perindustrian, Sabah



**DATU HAJI ISMAWI BIN
HAJI ISMUNI**
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Koridor
Wilayah (RECODA)



DATO' GOOI SOON CHAI
Naib Presiden Kanan
Keysight Technologies Inc.
Presiden
Electronic Industrial
Solutions Group



**YM TENGGU DATO' SRI ZAFRUL
TENGGU ABDUL AZIZ**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
CIMB Group Holdings Berhad
Ketua Pegawai Eksekutif
CIMB Bank Berhad



MR STUART L. DEAN
Penasihat Kanan
ASEAN Advisory Pte Ltd



TAN SRI SAW CHOO BOON
Mantan Presiden
Persatuan Pengilang-
Pengilang Malaysia (FMM)



MS ANNA MARIA BRAUN
Presiden
Asia Pasifik
B. Braun Medical
Industries Sdn. Bhd.



MR MANOJ MENON
Rakan Kongsi Kanan &
Pengaruh Urusan
Asia Pasifik
Frost & Sullivan GIC
Malaysia Sdn. Bhd.



DATO' LUA CHOON HANN
Pengaruh Urusan Kumpulan
PRG Holdings Berhad

Pengurusan



DATO' AZMAN MAHMUD
Ketua Pegawai Eksekutif, MIDA



DATUK PHANG AH TONG
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif I
(hingga 20 September 2017)



DATUK N. RAJENDRAN
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif II
(dari 26 Januari 2017)



**DATO' WAN HASHIM
WAN JUSOH**
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif III
(hingga 23 September 2017)



AZIAN MOHD YUSOF
Pegawai Eksekutif
Pembangunan Perkhidmatan
(hingga 23 September 2017)
Pegawai Eksekutif Kanan
(dari 24 September 2017)



**MOHAMED ZUHARI
MOHAMED NOR**
Pegawai Eksekutif
Perkhidmatan Pengurusan
Korporat



ZABIDI H.J. MAHBAR
Pegawai Eksekutif
Perancangan Strategik
(Perkilangan)



**AHMAD KHAIRUDDIN
ABDUL RAHIM**
Pegawai Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Sumber)



LIM BEE VIAN
Pegawai Eksekutif
Bahagian Perancangan
Strategik (Perkhidmatan)



MOHD ZULKAFLI ISMAIL
Pegawai Eksekutif
Pembangunan Perkilangan
(Bukan Sumber)



JASWANT SINGH
Pegawai Eksekutif
Pasca Pelaburan
(hingga 26 Disember 2017)



ARHAM ABDUL RAHMAN
Pegawai Eksekutif
Penggalakan Pelaburan



MOHD RASLI MUDA
Pegawai
Bahagian Teknologi Makanan
& Sumber Lestari



FARIDAH ABDULLAH
Pegawai
Bahagian Jentera & Logam



**JASBIR KAUR
A/P BACHAN SINGH**
Pegawai
Bahagian Teknologi Pengangkutan



CHOO WAI MENG
Pegawai
Bahagian Statistik Pelaburan



RASHIDAH OTHMAN
Pegawai
Bahagian Perancangan
Strategik & Advokasi Dasar
(Perkilangan)



ROELINA ABBAS
Pegawai
Bahagian Perkhidmatan Bisnes
dan Inovasi Rantaian Bekalan



SHAHROL SHAHABUDIN
Pegawai
Pejabat Penyeragaman dan
Penyelarasan Insentif (ICCO)
(hingga 2 April 2017)
Pegawai
Bahagian Penjagaan Kesihatan,
Pendidikan & Hospitaliti
(dari 3 April 2017)



M. UMARANI
Pegawai
Bahagian Kimia &
Bahan Termaju



BALKISH MOHD YASIN
Pegawai
Bahagian Sains Hayat
& Teknologi Perubatan



AHMAD TAJUDIN OMAR
Pegawai
Bahagian Pelaburan
Tempatan & Penyelarasan
Rantaian Bekalan



ZALINA ZAINOL
Pegawai
Bahagian Komunikasi
Korporat



WAN HASHIMAH WAN SALLEH
Pegawai
Bahagian Penjagaan Kesihatan,
Pendidikan & Hospitaliti
(hingga 2 April 2017)
Pegawai
Pejabat Penyeragaman dan
Penyelarasan Insentif (ICCO)
(3 April hingga 13 Ogos 2017)
Pegawai
Bahagian Teknologi Hijau
(dari 14 Ogos 2017)



MOHAMAD ISMAIL ABU BAKAR
Pegawai
Bahagian Pengurusan Talent
Industri & Ekspatriat



ZUAIDA ABDULLAH
Pegawai
Bahagian Teknologi Hijau
(hingga 2 April 2017)
Pegawai
Bahagian Perancangan Strategik &
Advokasi Dasar (Perkhidmatan)
(dari 3 April 2017)



NORMI ALIAS
Pegawai
Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia



RAMLI BAKAR
Pegawai
Bahagian Tarif
(hingga 1 Februari 2017)
Pegawai
Bahagian Pengurusan
Korporat
(dari 2 Februari 2017)



NOR 'AINI MAT TALHA
Pegarah
Bahagian Sekretariat
Pelaburan Nasional



NAJIHAH ABAS
Pegarah
Bahagian Teknologi Bangunan
& Gaya Hidup



NOOR AIEDA AHMAD
Pegarah
Bahagian R&D dan
Perkhidmatan Bisnes
(hingga 1 Februari 2017)
Pegarah
Bahagian Sokongan Pasca-
Pelaburan & Infrastruktur
(dari 2 Februari 2017)



JEYASIGAN NARAYANAN NAIR
Pegarah
Bahagian Teknologi Termaju dan
Penyelidikan & Pembangunan



NELSON SAMUEL WILSON
Pegarah
Bahagian Penggalakan
Pelaburan Asing



AZLINA HAMDAN
Pegarah
Bahagian Elektrik & Elektronik
(dari 2 Februari 2017)



MASNI MUHAMMAD
Pegarah
Bahagian Minyak & Gas dan
Teknologi Maritim



AHMAD ZAKUAN GHAZALI
Pegarah
Bahagian Pembangunan
Sistem Teknologi Maklumat



ADELINE LEE CHENG YIN
Timbalan Pegarah Kanan
Bahagian Pembangunan
Organisasi & Strategi Korporat
(dari 2 Oktober 2017)



MOHD. ZAHARIN JAMARIS
Timbalan Pegarah Kanan
Bahagian Pengurusan
Kewangan dan Akaun



HAZLI JEMAAT
Ketua Seksyen
Seksyen Tarif
(dari 2 Februari 2017)



ZURAIDAH OTHMAN
Ketua Seksyen
Seksyen Pematuhan &
Pemantauan Pelesenan
dan Galakan




**MEGAT FAIZAL
MOHAMAD ZABRI**
Ketua Unit
Unit Audit Dalam & Tadbir Urus



ZIL MUKHRIZ SULONG
Ketua Seksyen
Seksyen Perundangan dan
Hubungan Kerajaan
(dari 1 Mei 2016)

Struktur Organisasi

Carta Organisasi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pada 31 Disember 2017)



MIDA merupakan agensi penggalakan pelaburan utama di Malaysia yang menjalankan fungsi-fungsi sejajar dengan agenda pembangunan ekonomi negara. |



04 | MEMBINA LEGASI

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah agensi utama kerajaan bagi penggalakan dan penyelarasan pembangunan sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti).

Dahulu dikenali sebagai Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia, MIDA telah ditubuhkan pada tahun 1967 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Persekutuan, 1965 sebagai sebuah badan berkanun di bawah penyeliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Pada tahun 2011, Akta tersebut dipinda dan diberi nama baharu, Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) (Pemerbadanan) Pindaan 2011 dengan pelancaran Model Baru Ekonomi (*New Economic Model*, NEM). Menurut Akta MIDA, fungsi-fungsi MIDA adalah seperti berikut:

- Mengetuai, menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan dasar strategi, aktiviti dan pembangunan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Menjalankan aktiviti berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di dalam atau di luar Malaysia;
- Menjalankan atau menyebabkan perancangan dan penyelidikan yang dijalankan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Memberi nasihat kepada Kerajaan berhubung dasar-dasar berkaitan penggalakan pelaburan di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) termasuk dasar-dasar mengenai:
 - » pemberian lesen pengilang;
 - » insentif yang layak kepada pelabur di Malaysia;
 - » jawatan pegawai dagang;
 - » mengena atau memotong dan mengecuai daripada duti kastam; dan
 - » kemudahan fiskal dan bukan fiskal yang lain.
- Menggubal langkah-langkah bagi menggalakkan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Mengkoordinasi dan memudahkan aktiviti-aktiviti berkaitan dengan penggalakan dan pelaksanaan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di peringkat Persekutuan dan Negeri;
- Menyediakan perkhidmatan jururunding termasuk latihan dan bantuan teknikal;
- Menjalankan apa-apa aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain selaras dengan objektif Kerajaan berhubung dengan pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti);
- Membantu syarikat-syarikat Malaysia dalam meneroka peluang pelaburan dan teknologi di luar negara;
- Bertindak sebagai pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat berhubung dengan pelaburan dalam semua sektor ekonomi;
- Melaporkan kepada Menteri berhubung dengan perkembangan dan masalah pelaburan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan (tidak termasuk kewangan dan utiliti) di Malaysia dan membuat pengesyoran bagaimana masalah tersebut boleh dihadapi;
- Menjalankan fungsi-fungsi lain yang selaras dengan Akta MIDA dan bidang kuasa Menteri secara bertulis; dan
- Secara umumnya menjalankan semua kerja-kerja yang berkaitan dengan bidang kuasa dan fungsi-fungsi di bawah Akta MIDA.

MIDA
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA

Sektor perkhidmatan Malaysia telah menjadi salah satu pemacu utama ekonomi yang telah menyumbang lebih separuh daripada KDNK negara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. |



05 | KERAHAN SETIAP SISTEM

Sektor perkhidmatan terus berkembang seiring peredaran masa dan menyediakan peluang baharu kepada pelabur. Setakat tahun 2017, ia kekal menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK negara sebanyak 54.6 peratus menjelang suku keempat tahun tersebut.

Sokongan berterusan oleh Kerajaan untuk membangunkan sektor penting ini telah menyaksikan kesan pertumbuhan yang inklusif dan mampan dalam memacu negara ke tahap pembangunan seterusnya. Pada tahun 2017, sektor ini telah menarik pelaburan berjumlah RM121.0 bilion menerusi 4,731 projek yang diluluskan. Daripada jumlah ini, pelabur domestik menyumbang sebanyak RM92.2 bilion, manakala pelabur asing mencatatkan RM28.8 bilion. Subsektor hartanah terus menerajui sektor perkhidmatan dengan pelaburan tertinggi berjumlah RM45.7 bilion. Ini diikuti oleh pertumbuhan serantau RM14.0 bilion, perkhidmatan kewangan RM11.8 bilion, perdagangan edaran RM9.4 bilion serta hotel & pelancongan RM9.3 bilion. Pertumbuhan utama yang dicatatkan melibatkan subsektor dengan aktiviti bernilai tambah tinggi seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengangkutan, hotel & pelancongan serta perdagangan edaran. Sektor perkhidmatan juga merupakan majikan terbesar dalam


ekonomi yang telah mewujudkan sebanyak 82,172 peluang pekerjaan pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, hampir 84 peratus pekerjaan melibatkan perdagangan edaran, syarikat berstatus MSC serta hotel dan pelancongan.

Selaras dengan strategi yang digariskan dalam Blueprint Sektor Perkhidmatan yang dilancarkan pada tahun 2015, sektor perkhidmatan telah bertambah baik menerusi penekanan terhadap pelaburan bernilai tinggi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi serta menjana pekerjaan berpendapatan tinggi kepada rakyat Malaysia. Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) juga menjadi penggerak untuk meningkatkan mutu perkhidmatan oleh pembekal tempatan hingga setanding dengan tahap terbaik di dunia. Pengantarabangsaan perkhidmatan akan membolehkan mereka bersaing di peringkat global sekaligus menarik pelabur bernilai tinggi ke negara ini.

Pelaburan Mengikut Industri (2017)

Sektor perkhidmatan kekal kukuh dan terus menerajui dengan pelaburan sebanyak RM 121.0 bil.

RM197.1 bil.
Jumlah Pelaburan yang Diluluskan (Mengikut Sektor)



■ Perkhidmatan ■ Perkilangan ■ Utama bil.=bilion

E-Dagang Berkembang Pantas

E-dagang merupakan sektor yang paling pantas berkembang dalam landskap perdagangan global dan telah menjadi teras penting dalam ekonomi terbesar dunia. Sektor e-dagang Malaysia masih berada di peringkat awal pertumbuhan dengan sumbangan sebanyak 6.1 peratus kepada KDNK negara pada tahun 2016 berbanding negara-negara seperti Amerika Syarikat (35%), Republik Rakyat China (PRC) (21%) dan Taiwan (14%).

Malaysia memiliki semua ciri yang diperlukan untuk mengungguli e-dagang meliputi infrastruktur internet moden, kadar penembusan internet yang tinggi serta kedudukannya di tengah-tengah ASEAN dengan infrastruktur logistik yang lengkap. Negara menasarkannya sumbangan e-dagang kepada KDNK untuk berkembang sehingga 6.4 peratus pada tahun 2020. Pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang pertama di dunia pada Mac 2017 telah menyediakan zon fizikal dan maya yang diperlukan oleh Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) untuk memanfaatkan ledakan pertumbuhan ekonomi internet dan e-dagang rentas sempadan. MIDA memainkan peranan utama dalam membangunkan hab e-Fulfillment negara di bawah Pelan Hala Tuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) yang dilancarkan pada tahun 2016 untuk menarik pelaburan domestik dan asing.


Hab Perniagaan Global Gemilang

Malaysia berada di tangga ketiga dunia sebagai destinasi luar pesisir global selepas PRC dan India dalam Indeks Lokasi Perkhidmatan Global 2017 oleh AT Kearney, kedudukan yang telah dipegang oleh negara sejak tahun 2004. Meskipun berhadapan dengan persaingan dari negara-negara jiran serantau, Malaysia terus menjadi pilihan perniagaan global sebagai ibu pejabat atau memusatkan sebahagian operasi mereka di sini yang meliputi perolehan, pengedaran dan penyelidikan. Infrastruktur dan telekomunikasi bertaraf dunia, pasaran kewangan yang maju, undang-undang yang properniagaan serta tenaga kerja profesional yang berbilang budaya dan bahasa, melengkapkan lagi daya tarikan negara ini.

Definisi Hab Prinsipal (PH) yang diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 2015 meliputi syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai pangkalan untuk mengurus, mengawal dan menyokong fungsi-fungsi penting syarikat. Di bawah skim PH ini, Malaysia telah menyaksikan peningkatan berterusan oleh syarikat yang menubuhkan ibu pejabat serantau di negara ini menerusi 28 projek PH yang diluluskan sehingga kini. Hab-Hab Prinsipal yang diluluskan ini bukan sahaja membawa masuk komitmen perniagaan untuk jangka panjang yang berjumlah RM28.57 bilion, ia juga menyumbang kesan limpahan perbelanjaan ke atas perkhidmatan sampingan

Aliran Masuk FDI Global

Aliran FDI global turun 16% pada 2017, mencecah AS\$ 1.52 trilion, turun dari semakan semula US\$ 1.81 trilion pada 2016, dengan penurunan ini tertumpu kepada ekonomi maju.



Sumber: UNCTAD, Global Investment Trends Monitor

(berjumlah RM2.35 bilion) serta mewujudkan sebanyak 2,020 pekerjaan bernilai tinggi untuk rakyat Malaysia di sepanjang tempoh 10 tahun akan datang. Kebanyakan syarikat multinasional asing yang menubuhkan pangkalan di Malaysia ini juga mempunyai pelan pembesaran bagi jangka masa panjang.

Tahun 2017 menyaksikan sembilan projek PH telah diluluskan yang merangkumi MNC besar dan kecil dengan perbelanjaan perniagaan sebanyak RM13.64 bilion, menggunakan perkhidmatan sampingan bernilai RM1.21 bilion dan mewujudkan 577 pekerjaan baharu bernilai tinggi dengan peluang pemindahan pengetahuan ke dalam negara. Syarikat dari Belanda, Emiriah Arab Bersatu, Jerman, Jepun dan Amerika Syarikat adalah di antara yang telah memindahkan lokasi pangkalan mereka ke Malaysia serta beroperasi dalam sektor ekonomi penting seperti E&E, komoditi dan makanan & minuman.

Dua projek PH utama yang telah diluluskan pada tahun 2017 ialah Roland, syarikat pengeluar alat muzik elektronik terkemuka yang berpangkalan di Jepun serta IKEA, gergasi peruncitan perabot yang beribu pejabat di Belanda. Menerusi Hab Prinsipal ini, Roland berhasrat untuk menyelaras rantaian bekalan global Kumpulan Roland dengan memusatkan perancangan, perolehan, logistik, jualan dan pemasaran serta R&D bagi tujuan sinergi serta memaksimumkan keuntungan kumpulan syarikatnya. Pusat Pengedaran Serantau dan Rantaian Bekalan IKEA di Pulau Indah, Selangor pula akan menjadi pusat kepada 12 gedung runcit di ASEAN yang akan meningkat kepada 20 gedung menjelang tahun 2026.

Terdapat sejumlah 216 penubuhan global baharu yang diluluskan pada tahun 2017 selain daripada sembilan PH, meliputi 121 Pejabat Perwakilan (RE) dan 95 Pejabat Serantau (RO). Pelaburan yang diluluskan sebanyak RM374 juta ini adalah 33.6 peratus lebih tinggi berbanding RM280 juta yang telah diluluskan pada tahun 2016. Ini akan mewujudkan sebanyak 707 peluang pekerjaan bernilai tinggi yang baharu untuk rakyat Malaysia.

Gerbang Logistik Asia

Industri logistik yang memainkan peranan penting dalam menggerakkan rantaian bekalan negara dan menunjukkan pertumbuhan kukuh, dijangka akan terus teguh seiring dengan ekonomi yang lain. Unit

Perancang Ekonomi (EPU) telah membangunkan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan (2015-2020) yang menyediakan rangka kerja strategik dan pelan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai "Gerbang Logistik Pilihan ke Asia" menjelang tahun 2020 dan seterusnya. Kerajaan terus komited untuk menyokong evolusi syarikat logistik dalam era digital baharu dengan menyediakan infrastruktur berkualiti tinggi seperti Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ), KLIA Aeropolis, pelabuhan laut baharu dan rangkaian landasan keretapi. Melalui usaha tersebut, Kerajaan berharap dapat memacu Malaysia untuk menjadi hab logistik utama di rantau ini. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh MIDA pada tahun 2017 ialah penganjuran sesi sumbangan menerusi kolaborasi dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia bagi memperkasakan pembangunan bakat dalam industri e-dagang dan e-Fulfillment.



Sehingga tahun 2017, sejumlah 84 projek Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) dengan pelaburan bernilai RM4.9 bilion telah diluluskan insentif, di mana 10 projek ILS telah diluluskan pada tahun 2017 dan akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 468 rakyat Malaysia. Trend ketara yang dapat disaksikan adalah penglibatan syarikat ILS yang baru diluluskan ini dalam operasi bersepadu dan melaksanakan inovasi berteraskan ICT seperti e-dagang serta perkhidmatan logistik khusus bagi menyokong pelbagai sektor perindustrian seperti petrokimia serta minyak dan gas.

Satu projek ILS utama dalam bidang logistik bagi ekonomi digital yang diluluskan adalah dari Pos Malaysia Berhad yang memainkan peranan utama dalam membangunkan zon fizikal DFTZ yang baru dilancarkan. DFTZ terdiri daripada Hab e-Fulfillment dan Hab Perkhidmatan Satelit, di mana fasa pertama hub e-Fulfillment menyaksikan pelaburan Pos Malaysia sebanyak US\$14 juta (RM60 juta) untuk menaik taraf dan mengubah suai Terminal 1 Kargo Udara KLIA (KACT1),

yang dahulunya dikenali sebagai Terminal LCCT. Bekas terminal penumpang akan ditukar menjadi terminal kargo berteknologi tinggi untuk memberi perkhidmatan kepada e-tailers seperti Lazada dan Zalora.


Syarikat-syarikat berstatus Perkhidmatan Logistik Bersepadu Antarabangsa (IILS) menyediakan perkhidmatan logistik (pintu ke pintu) yang bersepadu dan lancar bagi rantai nilai logistik sebagai entiti tunggal. Sehingga 31 Disember 2017, sebanyak 23 syarikat telah diluluskan status IILS berbanding 21 pada tahun 2016. Daripada syarikat yang diluluskan ini, 20 merupakan milik sepenuhnya rakyat Malaysia. Kumpulan Lazada merupakan salah satu daripada projek IILS utama yang diluluskan.

Itizim Inovasi

Pelaburan dalam penyelidikan dan pembangunan merupakan salah satu kayu pengukur pembangunan negara. Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) oleh Malaysia

Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkhidmatan (Mengikut Industri)

Hartanah, Pertubuhan Global, Perkhidmatan Kewangan, Perdagangan Peragihan dan Hotel & Pelancongan adalah sub-sektor utama pada tahun 2017.



seperti yang dilaporkan dalam Petunjuk Pembangunan Dunia oleh Bank Dunia pada Ogos 2016 ialah sebanyak 1.1 peratus daripada KDNK berbanding negara-negara R&D utama seperti Republik Korea (ROK) 4.2 peratus dan Jepun 3.8 peratus. Terdapat banyak peluang pelaburan dalam bidang ini selaras dengan hasrat Malaysia untuk mencapai sasaran dua peratus GERD menjelang tahun 2020. Indeks Inovasi Global 2017 telah meletakkan Malaysia pada tangga ketiga dalam kalangan negara berpendapatan sederhana tinggi selepas China dan Bulgaria. Dengan mengukuhkan ekosistem inovasi, ia akan memantapkan lagi kedudukan Malaysia sebagai hab teknologi tinggi bagi R&D, reka bentuk dan pembangunan (D&D), pusat pengujian dan sokongan teknikal serta Pusat Kecemerlangan (COE).

Pelaburan dalam subsektor ini telah meningkat sebanyak 25 peratus daripada RM266 juta pada tahun 2016 kepada RM332.4 juta dalam sembilan projek yang diluluskan pada tahun 2017, di mana sejumlah 408 pekerjaan bernilai tinggi akan diwujudkan. Nisbah sumbangan pelaburan asing kepada domestik hampir mencecah 50-50. Sejak tahun 1995, terdapat sejumlah 182 projek R&D yang telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM2.87 bilion. Ini telah mewujudkan kira-kira 6,436 peluang pekerjaan berkualiti dalam bidang sains dan teknikal. Kebanyakan

projek penyelidikan yang dijalankan adalah dalam industri farmaseutikal, kimia, penjagaan kesihatan, jentera, E&E, automotif, tenaga, peranti perubatan, minyak sawit dan pengeluaran makanan.

Kesedaran Hijau

Pertumbuhan ekonomi yang lestari dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar adalah penting kepada pembangunan jangka panjang sesebuah negara, di mana pelaburan dalam teknologi hijau telah dikenal pasti sebagai pemacu utama ekonomi. MIDA telah menyasarkan usaha bagi menggalakkan pelaburan dalam bidang Tenaga Boleh Diperbaharui (RE), Kecekapan Tenaga/Penjimatan Tenaga dan Perkhidmatan Hijau. Pada tahun 2017, MIDA telah menjalankan 53 program dan aktiviti seperti Misi Promosi Khusus Domestik, mesyuarat, taklimat dan seminar yang melibatkan sektor swasta dan pihak berkepentingan berkaitan.

Usaha ini ternyata membuahkan hasil, di mana sejumlah 37 projek **tenaga boleh dibaharui** telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM983.1 juta pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, 95 peratus terdiri daripada pelaburan domestik dan lima peratus pelaburan asing.



Pelancaran Hab Serantau e-Fulfillment ZALORA pada 3 Mac 2017 di Shah Alam. ZALORA adalah laman fesyen e-Dagang yang paling pesat berkembang di Asia Tenggara

“Pertumbuhan ekonomi yang lestari dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar adalah penting kepada pembangunan jangka panjang sesebuah negara, di mana pelaburan dalam teknologi hijau telah dikenal pasti sebagai pemacu utama ekonomi.”

Terdapat 31 projek tenaga solar berjumlah RM589.6 juta, manakala selebihnya terdiri daripada tiga projek biogas (RM25.2 juta), dua projek mini hidro (RM268.3 juta) dan satu projek biomas (RM100 juta). Daripada 31 projek solar, empat daripadanya melibatkan loji fotovoltaik solar berskala besar. Secara keseluruhan, dianggarkan sebanyak 183 peluang pekerjaan baharu akan diwujudkan.

Kualiti Alam merupakan projek utama penukaran sisa kepada tenaga yang diluluskan pada tahun 2017 dengan kos projek sebanyak RM100 juta, melibatkan biomas/sisa terjadual (WTE) di Port Dickson, Negeri Sembilan. Loji ini adalah yang pertama seumpamanya di Malaysia yang akan menghasilkan tenaga elektrik dengan kapasiti sehingga 3.4MW, di samping aktiviti pelupusan sisa terjadual.

Permintaan dan penggunaan tenaga yang semakin meningkat dalam semua sektor terutamanya sektor perkilangan telah memacu peluang pertumbuhan bagi projek kecekapan tenaga (EE)/pemuliharaan tenaga (EC). Pada tahun 2017, sebanyak 11 projek EE/EC dengan jumlah pelaburan sebanyak RM51.9 juta telah diluluskan dan dijalankan oleh sektor perkilangan dan komersil. Pelabur domestik menyumbang sebahagian besar (99%) daripada pelaburan. Projek ini dijangka akan mewujudkan 17 pekerjaan baharu untuk rakyat Malaysia.

Syarikat perkhidmatan hijau memainkan peranan penting dan strategik untuk meningkatkan penggunaan amalan hijau. Kebanyakannya adalah pemain tempatan yang tampil pada tahun 2017 untuk melabur dalam 19 projek **perkhidmatan hijau** yang diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM80.6 juta. Kebanyakan skop perniagaan perkhidmatan hijau yang dijalankan ialah penyepadu sistem fotovoltaik solar dan sembilan melibatkan perkhidmatan bangunan hijau.

Pada tahun 2017, tujuh projek telah diluluskan dalam subsektor perkhidmatan **minyak dan gas**,

di mana enam daripadanya adalah projek pelbagaian yang mencerminkan keyakinan pelabur terhadap pertumbuhan jangka panjang industri minyak dan gas Malaysia. Projek ini telah menarik pelaburan berjumlah RM461.1 juta, di mana 98.5 peratus adalah daripada pelaburan domestik dan 1.5 peratus adalah sumber asing berbanding RM240.3 juta pada tahun 2016. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 558 peluang pekerjaan tambahan berkemahiran tinggi untuk negara. Projek-projek ini meliputi aktiviti penggerudian, perkhidmatan tiub bergelung serta pemeriksaan, pembaikan dan penyelenggaraan laut dalam.

Projek pelaburan utama pada tahun 2017 adalah dari DNeX Oilfield Services (DOS), pemain industri minyak dan gas tempatan yang telah menerima bantuan melalui Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF), MIDA. Syarikat Malaysia ini telah meningkatkan tahap perniagaannya untuk beroperasi sebagai syarikat multinasional dalam pasaran global menerusi pelaburan sebanyak RM116.7 juta. DOS yang memperoleh peralatan daripada Baker Hughes, menjadi satu-satunya syarikat Malaysia dalam kalangan segelintir syarikat di seluruh dunia yang mempunyai akses teknologi peringkat tinggi dalam *Directional Drilling/Measurement While Drilling/Logging While Drilling* (DD/MWD/LWD).



Dalam subsektor jentera dan peralatan bagi minyak dan gas, peluang tertumpu dalam membaik pulih pulih aset yang menghampiri tempoh tamat reka bentuknya. Sebanyak 12 projek telah diluluskan pada tahun 2017 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM731.7 juta. Enam daripadanya merupakan projek pembesaran/pelbagaian, di mana beberapa projek tertumpu dalam aktiviti membaik pulih dan menaik taraf. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM593 juta (81%), sementara pelaburan asing berjumlah RM138.5 juta (19%). Projek ini dijangka akan mewujudkan sejumlah 2,527 peluang pekerjaan.

Hospitaliti Dan Pelancongan

Malaysia telah diiktiraf di peringkat global sebagai destinasi utama para pelancong. Selain dibariskan dalam kalangan 10 destinasi utama pelancong di dunia, Malaysia juga telah diiktiraf sebagai Destinasi Membeli-Belah Ke-5 Terbaik di Dunia oleh Expedia UK, 2016 serta Destinasi Pelancongan Kesihatan Tahunan Terbaik buat kali ketiga berturut-turut dalam Medical Travel Awards 2017 oleh International Medical Travel Journal. Kedatangan pelancong asing pula mencecah 25.9 juta pada tahun 2017 yang telah menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM82.2 bilion. Sejumlah 70 projek **hotel dan pelancongan** telah diluluskan pada tahun 2017 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9.29 bilion, di mana kebanyakannya adalah pelaburan domestik. Ini menunjukkan peningkatan hampir dua kali ganda daripada angka yang dicatatkan pada tahun 2016 (RM4.68 bilion). Susulan pertumbuhan industri yang kukuh, 18 daripada 70 projek hotel ini merupakan projek pembesaran dan menaiktaraf fasiliti untuk kekal berdaya saing. Secara keseluruhan, sebanyak 5,107 peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan. Daripada projek-projek yang dicadangkan ini, 20 melibatkan hotel bertaraf lima dan empat bintang, selaras dengan fokus Kerajaan yang mensasarkan pelancong berhasil tinggi.

Malaysia pantas menjadi destinasi pelancongan perubatan yang terkenal ekoran perkhidmatan perubatannya yang berkualiti tinggi. Pelancongan perubatan ditawarkan rangsangan insentif cukai oleh Kerajaan selaras dengan peluang pertumbuhannya yang luar biasa. Pada tahun 2017, industri **penjagaan kesihatan** telah mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan sebanyak RM445.1 juta menerusi tiga projek yang akan mewujudkan 392 pekerjaan.

Pusat Pengetahuan

Pendidikan memainkan peranan utama bagi pembangunan negara dalam menyediakan tenaga kerja mahir yang diperlukan untuk menggerakkan negara. Sektor perkilangan mengunjurkan keperluan sebanyak 3.3 juta pekerja berkemahiran tinggi menjelang tahun 2020, di mana 1.3 juta perlu terdiri daripada graduan Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang bersedia menghadapi Industri 4.0. Pada tahun 2017, terdapat dua projek TVET yang dibiayai sepenuhnya oleh syarikat tempatan telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.6 juta dan satu projek pendidikan swasta milik majoriti rakyat tempatan dengan pelaburan bernilai RM57 juta. Secara keseluruhannya, 711 projek pendidikan telah diluluskan pada tahun 2017 yang menyumbang kepada pelaburan sebanyak RM493.1 juta dan mewujudkan 4,866 peluang pekerjaan dalam industri pengetahuan bernilai tinggi.

Sendi Pelengkap

Syarikat-syarikat berstatus MSC merupakan sendi utama dalam ekosistem inovatif industri teknologi maklumat (IT) dan industri berasaskan IT yang beroperasi dalam bidang teknologi kandungan kreatif, perkhidmatan perniagaan global, institusi pengajian tinggi (IPT) dan inkubator. Syarikat-syarikat inilah yang melancarkan lagi pergerakan transformasi digital negara. Pada tahun 2017, sebanyak 315 syarikat telah diluluskan **status MSC** dengan pelaburan sebanyak RM6.1 bilion (berbanding RM6.4 bilion pada tahun 2016), di mana RM2.7 bilion (44.3%) telah disumbangkan oleh pelaburan domestik dan RM3.4 bilion (55.7%) pelaburan asing. Pelaburan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 16,278 peluang pekerjaan bernilai tinggi.

Di sebalik cabaran yang dihadapi pada tahun 2017, subsektor **hartanah** kekal sebagai penyumbang terbesar kepada sektor perkhidmatan menerusi 973 projek yang diluluskan. Jumlah pelaburan yang dicatatkan adalah sebanyak RM45.7 bilion, di mana hampir kesemuanya (94.5%) merupakan pelaburan domestik. Walau bagaimanapun, ini merupakan penurunan 28.7 peratus berbanding dengan angka yang dicatatkan pada tahun 2016 (RM64.1 bilion daripada 680 projek yang diluluskan).



Subsektor **pengangkutan** meliputi pengangkutan maritim, penerbangan serta pembinaan dan penyelenggaraan lebuhraya. Pada tahun 2017, sebanyak 16 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM4.5 bilion, di mana RM4.3 bilion disumbangkan oleh pelaburan domestik dan RM237.6 juta pelaburan asing. Ini merupakan peningkatan hampir dua kali ganda berbanding tahun sebelumnya, di mana pelaburan yang diluluskan hanya berjumlah RM2.1 bilion. Sementara itu, sebanyak 434 peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan. Kebanyakan projek yang diluluskan adalah dalam industri penerbangan dengan 13 kelulusan, satu untuk pembinaan lebuhraya dan dua projek maritim.

Subsektor **utiliti** merangkumi perkhidmatan utiliti bagi tenaga dan air. Pada tahun 2017, sebanyak RM8.5 bilion pelaburan telah diluluskan berbanding dengan RM10.6 bilion yang dicatatkan pada tahun 2016. Pelaburan pada tahun 2017 didominasi oleh sumber domestik.

Subsektor **telekomunikasi** meliputi fasiliti rangkaian, perkhidmatan rangkaian, perkhidmatan aplikasi (termasuk perkhidmatan aplikasi kandungan), pos dan penyiaran. Pelaburan bernilai RM5.9 bilion telah diluluskan pada tahun 2017, di mana kesemuanya adalah sumber domestik.

Pelaburan dalam subsektor **perkhidmatan kewangan** pada tahun 2017 merekodkan jumlah sebanyak RM11.8 bilion berbanding RM13.7 bilion yang diluluskan pada tahun 2016. Segmen perbankan konvensional terus menjadi penyumbang terbesar kepada subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM10.4 bilion.

Perdagangan edaran menyaksikan sejumlah 1,750 projek telah diluluskan pada tahun 2017 dengan pelaburan sebanyak RM9.4 bilion. Subsektor ini merupakan majikan terbesar dalam sektor perkhidmatan yang akan mewujudkan sebanyak 47,603 peluang pekerjaan baharu. Sebahagian besar pelaburan (63.8%) disumbangkan oleh sumber asing berjumlah RM6.0 bilion.

Di samping perdagangan edaran, kepesatan kewujudan **gedung membeli-belah premium** juga sejajar dengan usaha Malaysia menjadi destinasi membeli-belah yang berdaya saing di rantau ini. Gedung-gedung yang menawarkan barangan mewah dengan potongan harga ini disasarkan kepada pelancong asing yang mengunjungi Malaysia untuk membeli-belah dan beristirahat. Pembangunan gedung membeli-belah premium ini merupakan salah satu daripada hasil strategik negara di bawah Projek Permulaan 3 (EPP3), Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diatur untuk merangsang bidang ini bagi pertumbuhan ekonomi. Sumbangan yang disasarkan kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK) daripada gedung premium ini ialah sebanyak RM875.2 juta menjelang tahun 2020. Ia juga dijangka akan menyediakan 1,500 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Sehingga kini, lima gedung premium telah beroperasi di beberapa lokasi dalam negara yang hampir dengan pintu utama kemasukan pelancong, iaitu Sepang (Selangor), Kulaijaya (Johor), Pulau Pinang dan Melaka. Yang terbaharu ialah Horizon Village Outlet yang akan dibuka menjelang pertengahan tahun 2018 di Bandar Serenia, Selangor, kira-kira 10 kilometer dari Mitsui Outlet Park yang berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Langkah Ke Hadapan

Pertumbuhan pesat sektor perkhidmatan selama ini telah memberi sumbangan yang besar kepada pembangunan sektor lain di Malaysia. Sebagai contoh, subsektor perkhidmatan perniagaan telah menyokong sektor perkilangan untuk mencapai produktiviti yang lebih tinggi dengan menggunakan perkhidmatan profesional (termasuk perkhidmatan perakaunan dan percukaian, kejuruteraan, undang-undang, seni bina dan telekomunikasi) dan perkhidmatan ICT. Atas kepentingan ini, Kerajaan komited untuk melonjakkan sektor perkhidmatan sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi Malaysia untuk menjadi negara maju, inklusif dan disegani di dunia.

Meskipun pertumbuhan global dijangka perlahan dalam tempoh dua tahun yang akan datang ekoran langkah penjimatan oleh pelabur asing, dasar perlindungan perdagangan, peningkatan ketegangan geopolitik dan kebimbangan terhadap perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China; namun kebangkitan pasaran Asia dilihat akan terus membangun disebabkan oleh kekukuhan asasnya; di mana Malaysia mendahului Skorkad Pasaran Bloomberg 2018 dalam kalangan 21 negara-negara membangun. Untuk terus menarik minat para pelabur, negara harus mengekalkan dasar pandang ke hadapan dan pembaharuan sektoral serta menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi yang sedang menakluki dunia.

Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) negara telah menempatkan hab antarabangsa pertama, Alibaba Electronic World Trade Platform yang merupakan salah


satu hab e-dagang yang termaju di dunia. Piawai masa yang ditetapkannya bagi penghantaran barangan fizikal adalah ketat, iaitu 72 jam dari masa pembelian bagi mana-mana destinasi di dunia atau 24 jam bagi destinasi dalam negara. Oleh itu, lokasi Malaysia yang strategik merupakan kunci untuk menunaikan janji ini.

Rantau ASEAN didiami oleh 630 juta pengguna dan secara kolektif merupakan ekonomi keenam terbesar di dunia dengan KDNK melebihi US\$2.4 trilion setahun. Semenjak bermulanya perdagangan antarabangsa berabad-abad dahulu, lokasi strategik Malaysia telah menjadikannya pintu masuk semula jadi ke Asia Tenggara yang mudah dikunjungi oleh kebanyakan ekonomi dinamik dunia. Dari sudut e-dagang, hab di Malaysia juga menawarkan banyak kelebihan menerusi kewujudan perkhidmatan canggih untuk pergudangan, pembungkusan, pengangkutan dan aspek logistik lain bagi melengkapkan urusan niaga e-dagang seperti pelepasan kastam dan pengurusan bagi pemulangan barang niaga.

Bersedia untuk menghadapi masa depan adalah penting dalam menyahut cabaran baharu digital. Di samping itu, pertumbuhan negara juga perlu bertanggungjawab terhadap kelestarian alam sekitar untuk jangka panjang dalam membawa Malaysia ke tahap pembangunan seterusnya. Kesemua ini dan banyak lagi akan menawarkan peluang-peluang yang menarik untuk pelaburan baharu dalam sektor perkhidmatan.

“ Meskipun pertumbuhan global dijangka perlahan dalam tempoh dua tahun yang akan datang ekoran langkah penjimatan oleh pelabur asing, dasar perlindungan perdagangan, peningkatan ketegangan geopolitik dan kebimbangan terhadap perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China; namun kebangkitan pasaran Asia dilihat akan terus membangun disebabkan oleh kekukuhan asasnya. ”

MIDA telah mengubah landskap industri negara daripada ekonomi berasaskan pertanian kepada sebuah negara perindustrian tinggi yang kini merangkumi IoT dan Industri 4.0. |



06 | KE ARAH PENINGKATAN NILAI

Pengilangan lestari dan inovasi yang dicetuskan oleh Revolusi Perindustrian Keempat berterusan memberi impak kepada sektor perkilangan di peringkat global. Oleh kerana ini, sektor perkilangan di Malaysia turut tidak ketinggalan bagi menerapkan elemen Industri 4.0. Secara khususnya, sektor ini sedang dalam persediaan untuk meningkatkan automasi dalam industri-industri yang dahulunya berintensifkan buruh.

Secara keseluruhannya, sektor perkilangan sedang beralih daripada pengeluaran bahan mentah dan komoditi kepada aktiviti bernilai ditambah yang lebih tinggi. Ini akan membolehkan sektor perkilangan melonjak ke rantai nilai yang lebih atas untuk kekal berdaya saing dalam ekonomi global. MIDA terus memacu pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan sepanjang tahun 2018 melalui peruntukan sebanyak RM452.7 juta di bawah Dana Berimpak Tinggi dengan menetapkan fokus dalam sektor pemangkin dan pertumbuhan tinggi '3+2' di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). Sektor ini termasuk elektrik dan elektronik (E&E), jentera dan peralatan (M&E), kimia, aeroangkasa dan peranti perubatan.

Sektor perkilangan Malaysia mengakhiri tahun 2017 pada paras yang kukuh. Walaupun terdapat kemerosotan sebanyak 6.3 peratus (687 projek) dalam bilangan projek yang diluluskan berbanding 733 projek yang diluluskan pada tahun 2016, namun nilai pelaburan yang dicatatkan adalah berjumlah RM63.7 bilion. Ini adalah 8.9 peratus lebih tinggi berbanding RM58.5 bilion pada tahun 2016, sekali gus menunjukkan lebih banyak projek berintensifkan modal yang diluluskan. Ini sejajar dengan usaha Malaysia ke arah pelaburan yang lebih strategik dan berkualiti tinggi. Selain itu, sebanyak 62 peratus daripada jumlah kelulusan ini merupakan projek baharu yang bernilai RM39.5 bilion.


Pelaburan asing merekodkan RM21.5 bilion atau 33.8 peratus daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM13.9 bilion (64.2%) yang diluluskan adalah bagi projek pembesaran/pempelbagaian. Industri E&E menarik jumlah pelaburan terbesar bernilai RM8.1 bilion, sementara industri lain yang membawa masuk pelaburan asing yang tinggi ialah

produk mineral bukan logam (RM4.1 bilion) serta kimia dan produk kimia (RM2.4 bilion).

Republik Rakyat China (China) merupakan pelabur asing terbesar dalam sektor perkilangan pada tahun 2017 dengan pelaburan sebanyak RM3.9 bilion. Ini diikuti oleh Switzerland (RM2.4 bilion), Singapura (RM2.3 bilion) dan Belanda (RM2.0 bilion).

Jumlah Projek Perkilangan Asing dan Domestik yang Diluluskan untuk 2017


Terdapat penurunan sebanyak 6.3 peratus dalam kelulusan projek berbanding tahun 2016 hingga 2013. Walau bagaimanapun, pelaburan tetap berjumlah RM 63.7 bilion



Sementara itu, pelaburan domestik yang diluluskan mencatatkan jumlah sebanyak RM42.1 bilion, peningkatan sebanyak 35.4 peratus berbanding RM31.1 bilion pada tahun 2016. Daripada jumlah ini, projek baharu menarik pelaburan bernilai RM31.8 bilion. Produk petroleum (termasuk petrokimia) dan gas asli mendahului kedudukan (RM25.6 bilion atau 60.8 peratus), diikuti oleh produk mineral bukan logam (RM3.5 bilion) dan peralatan pengangkutan (RM3.3 bilion).

Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan - Sumber FDI

China masih mendahului sebagai sumber utama FDI, dua kali berturut-turut, diikuti oleh Switzerland, Singapura, Belanda, Jerman dan Hong Kong. Negara-negara ini menyumbang lebih daripada separuh FDI pada tahun 2017.



Intensiti modal bagi projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan pada tahun 2017 yang diukur menerusi indeks pelaburan modal setiap pekerja (CIPE) mencatatkan jumlah RM1,128,742. Ini merupakan peningkatan ketara sebanyak 23.7 peratus berbanding CIPE tahun 2016 sebanyak RM912,239. Industri yang merekodkan CIPE tertinggi ialah produk petroleum (termasuk petrokimia) (RM9,344,028), diikuti oleh produk mineral bukan logam (RM1,581,899) serta kimia dan produk kimia (RM1,499,266).

Pada tahun 2017, produk petroleum (termasuk petrokimia) dan gas asli mencatatkan jumlah pelaburan diluluskan yang tertinggi sebanyak RM26 bilion iaitu peningkatan melebihi RM6.5 bilion daripada tahun 2016. Ini diikuti oleh produk E&E sebanyak RM9.7 bilion, sementara produk mineral bukan logam (RM7.7 bilion) meningkat sebanyak 2.5 kali melebihi jumlah yang diluluskan pada tahun 2016 (RM3 bilion).

Projek yang diluluskan pada tahun 2017 dijangka akan menjana sebanyak 56,421 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, bidang pengurusan, teknikal atau penyeliaan (MTS) merangkumi 14,155 (25.1%) jawatan.

Selain itu, sebanyak 9,870 (17.5%) jawatan adalah untuk pekerja mahir. Sebahagian besar pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam industri E&E (10,593), peralatan pengangkutan (9,112) dan jentera dan peralatan (6,078).

Industri Elektrikal & Elektronik (E&E) Malaysia berterusan memberi sumbangan yang signifikan kepada ekonomi negara. Pada tahun 2017, industri ini telah menarik pelaburan asing berjumlah RM8.2 bilion yang merupakan 84.5 peratus daripada jumlah pelaburan dalam industri ini. Ia juga menarik jumlah pelaburan kedua tertinggi (RM9.7 bilion) dalam sektor perkilangan dan penjana pendapatan eksport terbesar negara pada tahun 2017 dengan nilai RM343 bilion yang merangkumi 36.7 peratus daripada jumlah eksport keseluruhan.

Daripada 109 projek yang diluluskan, 89 merupakan projek pembesaran/pempelbagaian yang bernilai RM8.3 bilion. Industri E&E merangkumi kira-kira 18.8 peratus daripada jumlah keseluruhan peluang pekerjaan baharu yang diwujudkan, di mana 2,830 (26.7%) daripadanya adalah dalam jawatan MTS dan 827 (7.8%) dalam pekerjaan mahir.

Subsektor komponen elektronik merupakan 43.7 peratus daripada jumlah pelaburan dalam industri E&E. Pada tahun 2017, sebanyak 45 projek telah diluluskan dengan pelaburan bernilai RM4.2 bilion. Daripada jumlah ini, 42 merupakan projek pembesaran/pempelbagaian dengan pelaburan bernilai RM4.1 bilion. Sebahagian besar subsektor ini dipacu oleh pelaburan langsung asing (FDI) yang merangkumi RM3.6 bilion. Salah satu projek penting yang diluluskan ialah projek pembesaran bernilai RM1.1 bilion oleh TF AMD Micro, sebuah syarikat milik majoriti rakyat asing. Syarikat ini merancang untuk terlibat dalam aktiviti *wafer chip scale packaging* dan *wafer bumping fabrication*.

Seterusnya, sebanyak RM4.2 bilion pelaburan telah diluluskan pada tahun 2017 yang merangkumi 33 projek adalah dalam subsektor elektronik perindustrian. Terdapat 24 projek pembesaran/pempelbagaian dengan pelaburan bernilai RM3.4 bilion (80.9%). FDI memainkan peranan besar yang menyumbang RM3.6 bilion. Projek utama yang diluluskan ialah projek pembesaran bernilai RM2.6 bilion oleh Robert Bosch Malaysia, syarikat milik sepenuhnya rakyat asing yang akan mengeluarkan *instrument cluster panels* dan *connectivity modules*.

Subsektor elektrikal menyaksikan 30 projek diluluskan pada tahun 2017 dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion. Daripada jumlah ini, tujuh kelulusan merupakan projek baharu. FDI mendominasi subsektor ini dengan pelaburan berjumlah RM865 juta (78%). Salah satu projek pembesaran utama yang diluluskan adalah bernilai RM150 juta oleh Success Electronics & Transformer Manufacturer Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia yang mengeluarkan sistem pencahayaan pintar.

Terdapat satu projek elektronik pengguna yang baharu bernilai RM111 juta pada tahun 2017 yang dimiliki oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing - Pioneer DJ Technology Malaysia Sdn. Bhd. Syarikat ini akan mengeluarkan produk dan aksesori peralatan DJ, pemasangan PCB, jig dan lekapan serta produk audio.

Eksport industri **peralatan pengangkutan** mencatatkan jumlah sebanyak RM17.1 bilion pada tahun 2017. Eksport subsektor aeroangkasa merangkumi RM8.5 bilion dan diikuti rapat oleh eksport kenderaan jalan sebanyak RM7.5 bilion. Daripada 79 projek bernilai

RM4.8 bilion yang diluluskan, terdapat 33 projek baharu yang merangkumi 77.1 peratus (RM3.7 bilion) daripada jumlah ini. Pelaburan langsung domestik (DDI) direkodkan sebanyak RM3.3 bilion (68.7%). Projek yang diluluskan ini juga bakal mewujudkan sebanyak 1,867 jawatan MTS dan 1,506 pekerjaan mahir.

Pada tahun 2017, subsektor automotif Malaysia telah mengeluarkan sebanyak 499,639 kenderaan bermotor iaitu 459,558 kenderaan penumpang dan 40,081 kenderaan komersial. Sementara itu, sebanyak 61 projek telah diluluskan pada tahun 2017 yang bakal menjana pelaburan berjumlah RM2.6 bilion, di mana pelaburan domestik akan merangkumi RM1.5 bilion (58%). Daripada kesemua projek yang diluluskan ini, 27 adalah projek baharu merangkumi 77 peratus (RM2 bilion) daripada jumlah pelaburan.

MIDA telah menjalankan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan pelaburan dalam subsektor aeroangkasa, di mana salah satunya adalah misi projek khas ke Jepun. Dalam misi ini, MIDA telah menganjurkan seminar bersama Dewan Perniagaan dan Industri Nagoya dan Pusat Teknologi Industri Aeroangkasa Chubu mengenai peluang pelaburan dalam industri aeroangkasa.

MIDA Open Day 2017 National Aerospace & Defence Industries

MIDA Open Day 2017 Video




Imbas kod QR untuk paparan video



Pelaburan yang Diluluskan Dalam Sektor Perkilangan - (Mengikut Industri)

Sebahagian besar pelaburan datang dari Produk Petroleum, Produk Elektrikal dan Elektronik, Gas Asli dan Produk Mineral Bukan Logam.



Pada tahun 2017, sebanyak 13 projek bernilai RM649.9 juta telah diluluskan dalam subsektor aeroangkasa, di mana DDI merangkumi 80 peratus daripada pelaburan ini (RM518.9 juta). Kesemua projek yang diluluskan adalah pengeluar aeroangkasa yang menjadi pembekal kepada syarikat *Tier One* dan *Tier Two*. Satu projek penting yang diluluskan ialah inisiatif baharu bernilai RM144.8 juta oleh T7 Kilgour Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia bagi membangunkan loji rawatan logam khusus untuk industri aeroangkasa. Loji ini akan menawarkan sebanyak 95 peluang pekerjaan.

Subsektor pembinaan dan pembaikan kapal (SBSR) di Malaysia telah dikenal pasti sebagai sektor sokongan pertumbuhan ekonomi di bawah Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) dan Pelan Strategik Industri Pembinaan/Pembaikan Kapal Malaysia 2020. Untuk menangani pelbagai cabaran yang dihadapi oleh industri ini, MIDA telah menubuhkan Panel Penasihat SBSR yang bertindak sebagai platform untuk memantau pembangunan industri SBSR.

Terdapat lima projek SBSR dengan pelaburan mencecah RM1.5 bilion pada tahun 2017. Daripada projek yang diluluskan ini, DDI merangkumi 87 peratus atau RM1.3 bilion jumlah pelaburan. Projek ini akan mewujudkan sebanyak 1,487 peluang pekerjaan, di mana jawatan MTS serta pekerja mahir meliputi 639 (43%) jumlah pekerjaan. Satu daripada dua projek

baru ini adalah pelaburan oleh Muhibbah Group yang melibatkan jumlah pelaburan bernilai RM1.4 bilion bagi menjalankan aktiviti SBSR.

Industri Jentera & Peralatan (M&E) mempunyai rangkaian hubungan dengan pelbagai sektor ekonomi berskala besar seperti perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan. Justeru itu, ia mempercepatkan peralihan Malaysia ke arah menjadi negara teknologi tinggi yang bersedia untuk Industri 4.0. Sejalan dengan perkembangan ini, Malaysia merupakan pengeluar utama jentera proses khusus bagi industri E&E dan peralatan automasi di rantau Asia Tenggara.

Pada tahun 2017, pelaburan berjumlah RM2.2 bilion meliputi 77 projek telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 39 adalah projek baharu (RM1.3 bilion atau 61.6%), di mana pelaburan domestik mencatatkan RM1.4 bilion (63.6%). Projek yang diluluskan ini akan mewujudkan sebanyak 6,078 peluang pekerjaan di mana 1,485 daripadanya adalah dalam kategori MTS dan 2,546 merupakan pekerja mahir.

Subsektor jentera khusus menyumbang 37 projek yang diluluskan dengan pelaburan bernilai RM1.4 juta. Ini termasuk 22 projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM939.5 juta (65.5%). Pelaburan domestik dalam subsektor ini berjumlah RM996.4 juta (69.4%).

Subsektor jentera perindustrian umum berada di kedudukan kedua dengan pelaburan bernilai RM431.4 juta dalam 19 projek. Lapan daripadanya merupakan projek pembesaran/pempelbagaian dengan jumlah pelaburan RM237.6 juta (55.1%). Kebanyakan pelaburan dipacu oleh DDI menerusi RM368.7 juta (85.5%).

Pelaburan yang diluluskan dalam subsektor modul jentera/peralatan dan bahagian/komponen perindustrian berjumlah RM104.4 juta pada tahun 2017. Ini termasuk sembilan projek pembesaran dengan pelaburan berjumlah RM80.8 juta (77.4%). Pelaburan domestik adalah sebanyak RM59.9 juta (57.4%).

Satu projek pembesaran/pempelbagaian dan dua projek baharu telah diluluskan dalam subsektor M&E penjaan tenaga dengan pelaburan asing sebanyak RM190 juta dan DDI RM6.2 juta. Ketiga-tiga projek ini adalah bagi pengeluaran peralatan untuk penjaan tenaga boleh diperbaharui.

Lima projek pembesaran/pempelbagaian dalam subsektor penyenggaraan, menaiktaraf atau pemulihan M&E telah menarik FDI sebanyak RM19.4 juta. Projek-projek ini tertumpu kepada menaiktaraf dan pemulihan jentera pengendalian bahan.

Satu projek pembesaran asing utama yang telah diluluskan adalah bernilai RM81 juta dan dijalankan oleh sebuah syarikat di Pulau Pinang. Menerusi projek ini, syarikat akan mengeluarkan peralatan penimbunan wafer dan modul berkaitan untuk industri semikonduktor bahagian hadapan. Satu lagi projek pembesaran oleh syarikat milik rakyat Malaysia sepenuhnya akan menarik pelaburan bernilai RM56 juta. Syarikat ini mempelbagaikan kegiatannya dengan menceburi pengeluaran jentera automasi kilang serta modul dan komponen berkaitan.


Industri sokongan kejuruteraan (ESI) Malaysia merupakan industri penting yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang menjalankan pelbagai jenis aktiviti. Subsektor ESI menyokong pembangunan perindustrian negara disebabkan hubungannya yang saling berkait dengan pelbagai sektor ekonomi seperti perkilangan, pembinaan, pengangkutan dan industri utama.

Sebanyak 36 projek ESI telah diluluskan pada tahun 2017 yang mencatatkan pelaburan bernilai RM504.5 juta.

Daripada jumlah ini, 18 merupakan projek baharu dengan pelaburan sebanyak RM357.3 juta (70.8%). Pelaburan domestik merangkumi sebahagian besar pelaburan berjumlah RM358 juta (71%).

Subsektor pemesinan menyaksikan jumlah pelaburan berjumlah RM238.4 juta dalam 15 projek. Sembilan merupakan projek pembesaran/pempelbagaian yang menarik pelaburan bernilai RM119.6 juta (50.2%). DDI merangkumi RM176.2 juta (73.9%) daripada jumlah ini. Subsektor penuangan menerima satu projek domestik baharu yang diluluskan bernilai RM63.7 juta. Sebanyak 11 projek dalam subsektor acuan dan dai telah diluluskan, menarik pelaburan bernilai RM80.7 juta. Ini terdiri daripada lima projek baharu dengan pelaburan domestik bernilai RM46 juta (71.3%) dan enam projek pembesaran/pempelbagaian bernilai RM16.2 juta, di mana FDI berjumlah RM12.8 juta (79%).





Produktiviti Peneraju Sektor Perkilangan

RMK11 menyaksikan produktiviti sebagai 'game-changer'. Ia menggariskan usaha bagi meningkatkan produktiviti secara berfokus dan bersasar dengan keberkesanan yang jelas di peringkat negara, sektoral dan syarikat. Pelancaran *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) pada 8 Mei 2017 memperlihatkan kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, sekali gus memacu Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ini adalah kritikal terutamanya bagi sektor perkilangan kerana ia merupakan kunci kejayaan bagi pertumbuhan sektor-sektor lain. Sektor perkilangan yang diterajui pengeluaran produk bernilai tinggi, pelbagai dan kompleks akan menyumbang untuk mengembangkan peluang perniagaan di dalam sektor ini. Ini akan menjana peluang perniagaan baharu serta peluang pekerjaan yang akan mengembangkan lagi ekonomi Malaysia.

RMK11 telah menetapkan sasaran pertumbuhan minimum sebanyak 3.7 peratus dalam produktiviti buruh tahunan Malaysia menjelang tahun 2020. Dalam kalangan sembilan subsektor utama yang telah dikenal pasti oleh MPB untuk mengungguli *Sector Productivity Nexus*, empat daripadanya adalah dalam sektor perkilangan iaitu E&E, kimia dan produk kimia, agromakanan dan M&E.

Lima teras strategik utama – membangunkan tenaga kerja masa hadapan, menerajui pendigitalan dan inovasi, membentuk industri yang berteraskan produktiviti, membina ekosistem yang teguh dan menerapkan mekanisma pelaksanaan yang kukuh –

telah dirumuskan sebagai asas cadangan bagi kepada meningkatkan produktiviti.

Secara khususnya, langkah-langkah yang akan diambil di bawah teras strategik utama meliputi:

- ◆ Menyusun semula tenaga kerja Malaysia dengan meningkatkan bilangan pekerja berkemahiran tinggi dan mengetatkan kemasukan pekerja berkemahiran rendah;
- ◆ Memperkukuhkan kesediaan syarikat untuk mengguna pakai dan memanfaatkan penggunaan teknologi dengan berkesan (seperti Industri 4.0, lihat petak artikel);
- ◆ Mengurangkan kebergantungan kepada subsidi tidak kritikal, menghubungkan bantuan kewangan dan usaha liberalisasi kepada hasil produktiviti serta memperkukuhkan kedudukan industri dalam segmen rantai nilai yang bernilai ditambah lebih tinggi;
- ◆ Menangani kekangan pengawalseliaan dan membangunkan sistem akauntabiliti yang teguh bagi memastikan pelaksanaan pengawalseliaan yang berkesan; dan
- ◆ Menanamkan budaya produktiviti di seluruh negara serta memacu akauntabiliti dalam prestasi produktiviti melalui mekanisma tadbir urus yang berkesan.

Subsektor pengecapan menyaksikan dua projek baharu diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM33 juta. Pelaburan asing berjumlah RM29 juta (87.9%). Seterusnya, terdapat lima projek diluluskan dalam subsektor kejuruteraan permukaan dengan pelaburan sebanyak RM72.1 juta. Daripada jumlah ini, tiga merupakan projek baharu bernilai RM64.1 juta. DDI adalah sebanyak RM60.7 juta (84.3%). Subsektor jig dan lekapan menyumbang satu projek baharu dan satu projek mempelbagaian yang diluluskan dengan jumlah pelaburan RM13.1 juta yang merangkumi FDI sebanyak RM9.2 juta (70%).

Satu pelaburan yang signifikan bernilai RM52 juta adalah daripada syarikat milik rakyat Malaysia yang kini mempelbagaikan kegiatannya untuk mengeluarkan alat ganti untuk industri peranti perubatan dan O&G.

Industri **produk logam fabrikasi** Malaysia terdiri daripada pelbagai proses pembentukan logam bernilai ditambah yang diperlukan dalam pengeluaran jentera, bahagian dan struktur untuk pelbagai industri, lantas menjadikannya subsektor rentas industri yang amat penting.

Subsektor ini menyaksikan 71 projek yang diluluskan pada tahun 2017 dengan pelaburan berjumlah RM1.1 bilion. Daripada jumlah ini, 43 merupakan projek baharu bernilai RM829.3 juta atau 74.2 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan domestik merangkumi sebahagian besar daripada pelaburan atau RM794.7 juta (71.1%).

Industri **produk logam asas** di Malaysia memainkan peranan utama dalam membangunkan sektor perkilangan dan pembinaan. Industri ini meliputi pengeluaran produk logam ferus (besi dan keluli) dan bukan ferus (aluminium, timah, tembaga dan lain-lain).

Pada tahun 2017, terdapat 15 projek diluluskan yang melibatkan pengeluaran produk logam asas dengan pelaburan bernilai RM183.2 juta. Dua pertiga daripada projek ini merupakan projek pembesaran/ mempelbagaian dengan jumlah pelaburan sebanyak RM133.5 juta. Sebahagian besar atau 93.6 peratus (RM171.4 juta) daripada pelaburan yang diluluskan adalah daripada sumber domestik.

Terdapat tiga projek kitar semula logam yang diluluskan melibatkan syarikat Shan Poornam Metals Sdn. Bhd.,

Bay Aluminium Industries Sdn. Bhd. dan Asahi G&S Sdn. Bhd. Projek-projek ini menarik pelaburan sebanyak RM31.9 juta. Dua daripada syarikat ini terletak di Pulau Pinang dan satu di Selangor. Projek ini bertujuan untuk mengubah bahan buangan kepada produk bernilai ditambah yang lebih tinggi melalui kitar semula logam berharga dan jongsong aluminium sekunder.

Industri **tekstil dan produk tekstil** Malaysia meliputi syarikat-syarikat yang aktif dalam pelbagai jenis aktiviti hulu (contohnya, pengeluaran serat dan yarn semula jadi/sintetik, fabrik tenunan dan bukan tenunan, serta pelunturan, pewarnaan dan kemas) dan aktiviti hiliran (contohnya, pengeluaran pakaian sedia dipakai dan produk tekstil). Industri ini menjana pendapatan eksport ke-11 terbesar negara pada tahun 2017 yang menyumbang kira-kira RM15.3 bilion (1.6%) kepada jumlah eksport barangan pembuatan Malaysia. Amerika Syarikat masih lagi merupakan pasaran eksport utama bagi produk tekstil Malaysia dengan pembelian sebanyak RM2.2 bilion (14.6%) daripada jumlah eksport industri ini.

Pada tahun 2017, sejumlah 12 projek telah diluluskan dalam industri ini dengan pelaburan bernilai RM428.8 juta. Pelabur asing mendahului jumlah pelaburan dengan membawa masuk RM322.3 juta (75.2%). Pelaburan yang diluluskan tertumpu kepada pengeluaran tekstil primer dengan lapan projek bernilai RM389.9 juta. Pengeluaran pakaian sedia dipakai menyaksikan tiga projek yang diluluskan (RM33.8 juta). Satu projek bernilai RM5.1 juta telah diluluskan dalam subsektor aksesori tekstil. Pelaburan utama yang diluluskan ialah projek pembesaran bernilai RM316.7 juta oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing, Penfabric Sdn. Bhd.. Projek ini akan menghasilkan yarn, fabrik belacu serta kemas fabrik dengan helaian berwarna, bercetak dan yarn berwarna.

Industri **produk mineral bukan logam** merupakan subsektor penting kerana rantai hubungannya yang merentasi pelbagai industri. Pemain industri ini menyumbang bekalan bahan mentah dan diproses kepada industri perkilangan domestik serta eksport mineral dan produk berasaskan mineral bernilai ditambah. Sehubungan itu, industri ini memainkan peranan penting kepada rantai bekalan tempatan, serantau dan global.

Pada tahun 2017, pelaburan berjumlah RM7.6 bilion dalam 45 projek mineral bukan logam telah diluluskan. Terdapat 20 projek pembesaran/pempelbagaian bernilai RM5.5 bilion. Pelaburan asing bernilai RM4.1 bilion (53.2%), manakala pelaburan domestik menyumbang RM3.5 bilion (46.8%).

Daripada 45 projek ini, 21 adalah untuk pengeluaran produk simen dan konkrit serta 12 projek untuk komponen IBS. Sementara, enam untuk produk bukan logam, empat untuk menghasilkan produk kaca dan dua lagi adalah untuk pelaburan dalam pengeluaran produk seramik dan berasaskan tanah liat.

Satu projek utama yang diluluskan pada tahun 2017 ialah projek pembesaran milik majoriti rakyat asing oleh CGPV Industrial Building System Sdn. Bhd. bernilai RM1.6 bilion untuk mengeluarkan komponen IBS. Satu lagi pelaburan penting adalah daripada Altech Chemicals Sdn. Bhd. iaitu projek baharu milik sepenuhnya rakyat asing bernilai RM1.2 bilion. Syarikat ini bercadang untuk mengeluarkan HPA yang penting kepada pengeluaran nilam sintetik.



Subsektor **peranti perubatan** dijangka mempunyai impak yang positif kepada ekonomi Malaysia memandangkan ia telah ditetapkan sebagai salah satu subsektor pertumbuhan tinggi '3+2' di bawah RMK11. Lebih 90 peratus peranti perubatan yang dikeluarkan di Malaysia adalah untuk tujuan eksport. Pada tahun 2017, eksport ini bernilai RM17.7 bilion yang merupakan peningkatan ketara daripada RM9.7 bilion eksport pada tahun 2016.

Pada tahun 2017, industri ini mencatatkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM2.2 bilion. Ini dianggarkan akan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 2,931 orang dalam 25 projek. FDI merekodkan jumlah RM1.6 bilion (72.7%). Terdapat 19 projek pembesaran/pempelbagaian bernilai RM2.1 bilion. Daripada jumlah 25 projek ini, 19 daripadanya bernilai RM1.9 bilion (88.7%) yang kebanyakannya bagi pengeluaran peranti perubatan bernilai ditambah tinggi yang mewah.

Salah satu daripadanya adalah projek pembesaran oleh B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM1.2 bilion untuk mengeluarkan peranti perubatan dan peralatan pembedahan. Kira-kira 809 pekerjaan tambahan akan diwujudkan yang terdiri daripada 164 pekerjaan berpendapatan bulanan sebanyak RM10,000 ke atas. Satu lagi ialah projek pembesaran bernilai RM222 juta oleh syarikat milik rakyat asing, Visco Technology Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan kanta perubatan. Kanta ini merupakan yang pertama seumpamanya dikeluarkan di Malaysia. Projek ini akan mewujudkan tambahan 257 peluang pekerjaan, di mana 64 adalah untuk rakyat Malaysia.

Industri **farmaseutikal** Malaysia semakin berkembang sepanjang dekad yang lalu. Setakat tahun 2017, Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) di bawah Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan lesen kepada 251 fasiliti. Ia dikategorikan kepada 158 fasiliti yang mengeluarkan ubat tradisional, 83 bagi farmaseutikal dan 10 bagi produk veterinar. PBKD mempunyai 23,650 produk farmaseutikal yang didaftarkan meliputi produk tradisional (51.6%), ubat preskripsi (27.7%), ubat tanpa preskripsi/di kaunter (13%), makanan tambahan kesihatan (4.7%) dan ubat veterinar (3%).

Sembilan projek farmaseutikal yang diluluskan pada tahun 2017 telah menarik pelaburan bernilai RM517.9 juta. Daripada jumlah ini, tiga merupakan projek baharu

dengan pelaburan RM304.9 juta (58.9%). Sebahagian besar pelaburan adalah daripada DDI yang berjumlah RM307.4 juta (59.4%). Salah satu projek utama adalah dari AJ Biologics Sdn. Bhd., satu operasi baharu milik rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM139 juta untuk menghasilkan vaksin manusia. Projek ini telah mewujudkan sebanyak 105 peluang pekerjaan, di mana 57 daripadanya dalam bidang sains dan teknikal.

Sebagai salah satu daripada 17 negara yang memiliki diversiti mega menurut The World Conservation Monitoring Centre, kekayaan biodiversiti Malaysia merupakan asas yang kukuh untuk pembangunan industri **bioteknologi** yang berjaya. Bioteknologi merujuk kepada teknologi yang memanfaatkan proses-proses biologi untuk membangunkan teknologi dan produk. Kebiasaannya, subsektor ini dikategorikan kepada bidang bioperubatan, bioperindustrian dan biopertanian.

Enam projek baharu dengan pelaburan bernilai RM814 juta telah diluluskan pada tahun 2017 yang akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 176 orang. Pelabur asing menyumbang lebih daripada 90% pelaburan yang diluluskan (RM780.3 juta). Pelaburan terbesar setakat ini ialah projek baharu oleh Verdezyne Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik rakyat asing yang akan mengeluarkan asid dodekanedioik (DDDA) menggunakan teknologi penapaian yis.

Terdapat 12 projek yang diluluskan dalam sektor pertanian pada tahun 2017 dengan pelaburan berjumlah RM44.9 juta. Projek yang diluluskan ini meliputi sembilan projek baharu yang terdiri daripada sumber domestik. Salah satu projek yang diluluskan ialah pelaburan baharu oleh satu syarikat milik sepenuhnya rakyat Malaysia bernilai RM15.1 juta untuk menanam herba dan sayur-sayuran di Melaka.

Subsektor **pemprosesan makanan** Malaysia merangkumi syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti bernilai ditambah menggunakan produk pertanian atau

hortikultur. Ini termasuk pengeluaran produk koko & coklat, produk perikanan, bijirin & produk bijirin serta buah-buahan & sayur-sayuran yang diproses. Sepanjang tahun 2017, MIDA telah menganjurkan pelbagai program kesedaran dan *outreach* industri ini di seluruh negara. Program ini membantu pemain-pemain industri untuk menghadapi cabaran dalam memenuhi peningkatan permintaan global dan kepesatan perubahan teknologi. Ia juga meningkatkan kefahaman pemain industri mengenai dasar, insentif, bantuan dan fasilitasi yang ditawarkan untuk meningkatkan daya saing mereka.

Pada tahun 2017, 66 projek pemprosesan makanan dengan pelaburan bernilai RM2.3 bilion telah diluluskan. DDI berjumlah RM1.4 bilion (63%) mendominasi subsektor ini. Sebanyak 44 projek baharu dan 22 projek pembesaran/pempelbagaian dijangka akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada 4,644 orang.

Terdapat dua projek baharu oleh Dindings Poultry Development Centre Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik majoriti rakyat Malaysia dengan pelaburan sebanyak RM385.9 juta untuk mengeluarkan produk makanan haiwan di Perak dan Johor. Satu lagi projek utama yang diluluskan ialah operasi baharu oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing dengan pelaburan sebanyak RM263.8 juta untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta pengeluaran kapsul gel lembut berperasa di Selangor.

Pelancaran Strategi Biomas Nasional 2020 dan inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan dalam mempromosikan pelaburan yang lestari alam sekitar telah menjadikan industri **biomas sawit** lebih dinamik. Pada Oktober 2017, MIDA bersama-sama dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) telah menganjurkan Persidangan Biomas Antarabangsa Malaysia (IBCM) 2017 di Kuching, Sarawak, untuk menggalakkan penggunaan biomas sawit dalam produk bernilai ditambah tinggi.

“Malaysia kini mengeluarkan kira-kira 73.8 bilion meter padu gas asli dan 705 ribu tong minyak mentah sehari. Malaysia memiliki fasiliti pengeluaran LNG terbesar di dunia di satu lokasi dengan keupayaan pengeluaran tahunan sehingga 29.3 juta tan metrik.”



Menyahut Cabaran Industri 4.0

Industri 4.0 berkisar mengenai penggunaan *autonomous robotics, additive manufacturing, cloud computing, big data analytics, Internet of Things* dan *sensor technologies*. Di Malaysia, Industri 4.0 dijangka akan dapat meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengilang serta menghapuskan kebergantungan kepada buruh asing. Perniagaan-perniagaan yang terhubung boleh menyelaras maklumat daripada unit-unit terlibat seperti pengeluaran, rantai bekalan dan perolehan perniagaan bagi meningkatkan kecekapan, menambahbaik produktiviti, membangunkan produk berkualiti tinggi dan mewujudkan persekitaran kerja yang lebih selamat.

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Pendidikan Tinggi telah berkolaborasi untuk membangunkan Rangka Kerja Dasar Industri 4.0 Negara. Sebuah pasukan petugas peringkat tertinggi yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha MITI juga telah ditubuhkan untuk menerajui dasar dan strategi Kerajaan dalam Industri 4.0; selain satu kajian perindustrian oleh MIDA mengenai "Masa Depan Sektor Perkilangan: Industri 3+2" yang dijangka akan menggariskan hala tuju seterusnya industri ini seiring dengan Industri 4.0.

MITI dan MIDA telah menganjurkan beberapa seminar, dialog, taklimat, bengkel dan persidangan mengenai perkilangan pintar dan isu-isu lain berkaitan Industri 4.0. Menerusi aktiviti ini, banyak syarikat daripada pelbagai industri telah menyatakan hasrat untuk melabur bagi Industri 4.0. MIDA dan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) juga telah mengadakan usahasama menerusi *Digital Transformation Acceleration Program (DTAP)* yang akan menyediakan syarikat-syarikat Malaysia dengan

pendekatan berstruktur bagi transformasi digital dan mengguna pakai teknologi digital baharu. Selain itu, MIDA turut bekerjasama dengan agensi Kerajaan yang lain dan persatuan industri untuk meningkatkan kesedaran dan membangunkan modal insan dalam industri yang disasarkan.

Di antara syarikat yang telah pun menerapkan ciri-ciri Industri 4.0 ke dalam operasinya ialah Konica Minolta, Western Digital, Infineon, Dell, ST Microelectronics dan Hewlett Packard. Di antara syarikat yang sedang dalam proses membangunkan ciri-ciri Industri 4.0 pula ialah Top Glove, Sony, Sandisk, Alliance Contract Manufacturing dan Press Metal Bintulu. Beberapa syarikat juga telah merancang untuk melaksanakan Industri 4.0 dalam masa terdekat, iaitu Panasonic, First Solar, Intel, Daikin dan Proton.

Sementara banyak syarikat multinasional dan syarikat besar sedang bergerak pantas menghadapi Industri 4.0, adalah penting bagi syarikat dan perusahaan kecil dan sederhana tempatan untuk turut serta dan berintegrasi ke dalam rangkaian nilai global syarikat-syarikat multinasional ini untuk terus kekal berdaya saing dalam jangka panjang.

Seterusnya, bagi memenuhi keperluan bakat, syarikat perlu melabur dalam latihan dan peningkatan kemahiran tenaga kerja mereka. Di antara program yang boleh diikuti adalah kursus jangka pendek yang ditawarkan oleh *Malaysian Institute of Technology Academy* menerusi Program Pembangunan Pengurusan Kanan mengenai Industri 4.0. Syarikat-syarikat yang berjaya mentransformasikan budaya tempat kerja dan menguruskan perubahan operasi dengan berkesan ternyata akan bersedia untuk masa hadapan dan bergerak ke arah Industri 4.0 – menawarkan penyesuaian produk pada kos yang lebih rendah dan peneraju pasaran yang efektif dalam bidang mereka.

Acara ini telah memberi manfaat kepada 1,226 peserta yang terdiri daripada pemain industri tempatan dan asing utama dalam ekosistem biomas.

Industri biomas sawit menyaksikan lapan projek diluluskan pada tahun 2017 dengan pelaburan berjumlah RM78.4 juta. Pelaburan domestik adalah yang terbesar menyumbang sebanyak RM63.3 juta (80.7%).

Industri **kimia dan produk kimia** merupakan salah satu sektor pemangkin '3+2' oleh Kerajaan dan merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada jumlah eksport barangan pembuatan Malaysia pada tahun 2017.

Pada tahun 2017, sejumlah 46 projek dengan pelaburan sebanyak RM2.4 bilion telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 29 merupakan projek baharu (RM1.9 bilion). DDI berjumlah RM1.2 bilion (50.6%), manakala FDI pula bernilai RM1 bilion yang lebih tinggi berbanding tahun 2016 sebanyak RM219.9 juta. Projek yang diluluskan ini akan mewujudkan sebanyak 2,218 peluang pekerjaan baharu di mana 667 (30.1%) adalah dalam kategori MTS dan 317 (14.3%) untuk pekerja mahir.

Satu pelaburan penting yang diluluskan ialah projek oleh syarikat milik rakyat Malaysia, Sokachem Sdn. Bhd. bernilai RM105 juta yang akan dijalankan dalam dua fasa. Syarikat ini akan menghasilkan serakan bahan kimia di Klang, Selangor dan juga emulsi kimia pada masa akan datang.

Oleokimia secara umumnya diperoleh secara langsung daripada lemak dan minyak semula jadi oleh sumber organik (seperti haiwan dan sayur-sayuran). Permintaan oleokimia dijangka akan terus meningkat memandangkan pasaran pengguna terhadap produk seperti kosmetik, penghalau serangga, makanan tambahan, sabun khusus dan plastik terbiodegrasi sedang pesat berkembang.

Pada tahun 2017, industri ini telah menarik pelaburan berjumlah RM382.2 juta yang meliputi empat projek pembesaran/pempelbagaian. Lebih 59 peratus daripada pelaburan ini diperoleh daripada FDI (RM226.3 juta). Satu projek pemelbagaian utama akan dilaksanakan oleh Fatty Chemical (Malaysia) Sdn. Bhd. dengan pelaburan tambahan sebanyak RM165.4 juta untuk mengeluarkan derivatif oleokimia di lokasi sedia ada di Prai, Pulau Pinang.

Industri **produk petroleum (termasuk petrokimia)** merupakan salah satu industri utama di Malaysia meliputi gas asli, produk petroleum dan produk petrokimia. Malaysia kini mengeluarkan kira-kira 73.8 bilion meter padu gas asli dan 705 ribu tong minyak mentah sehari. Malaysia memiliki fasiliti pengeluaran LNG terbesar di dunia di satu lokasi dengan keupayaan pengeluaran tahunan sehingga 29.3 juta tan metrik.

Ia juga merupakan industri yang telah menarik DDI tertinggi pada tahun 2017 berjumlah RM25.6 bilion daripada RM26 bilion dalam jumlah pelaburan yang diluluskan. Sebanyak 10 projek yang diluluskan akan mewujudkan sebanyak 1,949 peluang pekerjaan. Separuh daripada projek yang diluluskan adalah projek baharu bernilai RM23.7 bilion. Lambang perdana bagi industri ini ialah projek baharu oleh PETRONAS untuk menghasilkan LNG di Sarawak. PETRONAS Floating LNG Satu mempamerkan keupayaan Malaysia dalam membina fasiliti LNG terapung yang pertama seumpamanya di dunia.

Industri **produk plastik** merupakan salah satu industri yang paling aktif dalam sektor perkilangan Malaysia. Malaysia merupakan pengeksport bersih produk plastik sejak tujuh tahun yang lalu. Pada tahun 2017, Malaysia telah mengeksport produk plastik bernilai RM13.3 bilion.

Industri produk plastik menyaksikan 33 projek yang telah diluluskan pada tahun 2017 dengan pelaburan bernilai RM714.2 juta, di mana FDI menyumbang sebanyak RM407.7 juta. Terdapat 16 projek baharu yang bernilai RM402.6 juta. Satu projek penting yang telah diluluskan pada tahun 2017 ialah dari Saiyakaya (M) Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik rakyat Malaysia yang akan melabur sebanyak RM19.7 juta untuk mengeluarkan *polyethylene (PE) protection film*.

Industri **produk getah** terdiri daripada tiga subsektor iaitu produk lateks, tayar & produk berkaitan tayar serta produk getah perindustrian dan am. Ia telah dikenal pasti berpotensi menjadi salah satu penyumbang terbesar kepada GNI disebabkan aplikasi hilirannya yang memberi kesan besar merentasi industri.

Pada tahun 2017, terdapat 17 projek bernilai RM1.0 bilion yang telah diluluskan dalam industri ini (tidak termasuk peranti perubatan berasaskan getah).



Kelulusan ini meliputi lima projek pembesaran/ pemelbagaian yang bernilai RM636 juta. Lapan daripada projek yang diluluskan adalah milik sepenuhnya rakyat Malaysia. Terdapat juga projek usaha sama bernilai RM5.1 juta.

Industri **kayu & produk kayu** serta **perabot & kelengkapan** ternyata sedang bergerak ke arah rantaian nilai yang lebih tinggi, di mana kebanyakan aktiviti yang tertumpu kepada aktiviti pemprosesan utama dan pengeluaran produk generik sedang beralih untuk menghasilkan perabot bernilai ditambah tinggi dengan reka bentuk estetika yang kreatif dan unik. Industri ini terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara apabila Malaysia ditempatkan sebagai salah satu daripada 10 pengeksport perabot terbesar di dunia, di mana 80 peratus (atau RM8.1 bilion daripada RM10.14 bilion) adalah berasaskan kayu.

MIDA telah menjalankan beberapa program kesedaran mengenai insentif Elaun Modal Automasi (ACA) di Batu Pahat dan Muar pada tahun 2017, di mana pengeluaran di kedua-dua kawasan ini menyumbang kepada lebih 70 peratus daripada eksport perabot Malaysia.

Terdapat 39 projek yang telah diluluskan dalam industri ini pada tahun 2017 berbanding 57 projek pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, jumlah pelaburan sebanyak RM648.2 juta didapati merosot sebanyak 4 peratus berbanding tahun 2016. Pelaburan domestik mencatatkan jumlah sebanyak RM503.7 juta.

Subsektor perabot mengaut pelaburan berjumlah RM171 juta menerusi 13 projek. Pelaburan domestik menyumbang sebanyak RM90.2 juta daripada jumlah pelaburan. Terdapat lapan projek baharu dengan pelaburan RM53 juta, di mana kesemuanya merupakan syarikat milik rakyat Malaysia. FDI merangkumi 70 peratus daripada projek pembesaran/pempelembagaan yang diluluskan.

Dua projek bernilai RM23.6 juta telah diluluskan dalam subsektor produk panel dan tiga projek bernilai RM23.9 juta dalam subsektor kayu kumai dan kayu tanggam telah diluluskan pada tahun 2017. Selain itu, 12 projek dengan pelaburan sebanyak RM112.3 juta juga telah diluluskan.

Satu projek penting yang diluluskan ialah projek pemelbagaian bernilai RM59 juta oleh syarikat milik sepenuhnya rakyat asing untuk mengeluarkan produk kayu komposit yang diperbuat daripada sisa kayu yang digabungkan dengan resin.

Industri **kertas, percetakan dan penerbitan** Malaysia merangkumi pengilangan pulpa, pengeluaran kertas dan produk kertas serta percetakan dan penerbitan. Prestasi industri ini didapati kekal mantap, di mana terdapat lebih 20 kilang kertas dalam negara yang mampu menghasilkan kira-kira 1.9 juta tan metrik setahun.

Terdapat 10 projek telah diluluskan dalam industri ini pada tahun 2017 dengan pelaburan mencecah RM347.9 juta. Separuh daripada jumlah ini merupakan projek baharu dengan pelaburan bernilai RM203.1 juta (58%).

Syarikat-syarikat dalam industri ini telah meningkatkan tahap teknologi yang digunakan berdasarkan CIPE sebanyak RM704,178, peningkatan ketara sebanyak 76.3 peratus berbanding RM399,338 pada tahun sebelumnya. Pemain-pemain domestik mendominasi industri ini, dengan jumlah pelaburan sebanyak RM243 juta (71.1%) daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Subsektor kertas dan produk kertas mencatatkan majoriti jumlah pelaburan sebanyak RM336.2 juta menerusi lapan projek. Pelaburan terbesar dalam subsektor ini ialah satu projek usaha sama baharu milik majoriti rakyat Malaysia yang diluluskan untuk mengeluarkan produk kertas terbentuk. Projek ini akan menyumbang sejumlah RM133.6 juta atau 38.4 peratus daripada pelaburan yang diluluskan.

Langkah Ke Hadapan

Ekonomi Malaysia pada tahun 2018 dijangka akan mengalami pertumbuhan di antara lima hingga 5.5 peratus berbanding tahun sebelumnya, dipacu oleh kekukuhan permintaan domestik yang dijangka akan meningkat sebanyak 5.5 peratus. Perbelanjaan sektor swasta diunjurkan akan berkembang sebanyak 7.3 peratus dan menyumbang 72.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sehubungan itu, semua sektor-sektor utama ekonomi dijangka akan mencatatkan pertumbuhan.

Trend mega global bagi industri E&E dalam Industri 4.0 yang meliputi aplikasi robotik dan automasi dalam fasiliti pengilangan, logistik dan pergudangan serta lonjakan penggunaan teknologi rumah dan bangunan pintar; adalah langkah ke arah pemodenan '*lean manufacturing*' dan gaya hidup/ekonomi digital. MIDA sedang mempergiatkan usaha dalam membangunkan ekosistem bagi memenuhi keperluan industri E&E yang semakin meningkat dalam menghadapi Industri 4.0.

Malaysia sedang menggalakkan syarikat-syarikat M&E untuk menjadi 'pusat setempat' yang menyediakan penyelesaian perkilangan secara menyeluruh. Seterusnya, pusat setempat ini harus mampu menawarkan perkhidmatan bersepadu dari konsep produk sehingga ke siri pengeluaran.

Ketika negara sedang bergerak ke arah Industri 4.0, inovasi dalam industri peranti perubatan turut melangkah pesat. Syarikat tempatan sedang tertumpu dalam R&D

dengan menggabungkan robotik, automasi, proses bersepadu dan IoT dalam proses pengilangannya.

Terdapat peluang signifikan dalam aktiviti penjaan produk biomas sawit yang bernilai ditambah lebih tinggi, di mana minat untuk menggunakan biomas sawit dalam pengeluaran pelet, gentian dan briquet didapati sedang meningkat. Ini telah membentuk paradigma positif terhadap manfaat menggunakan biofuel. Malaysia sedang menjadi destinasi yang menarik bagi pelaburan berasaskan biomas di rantau ini. Semakin banyak pelabur antarabangsa dan rakan teknologi bereputasi sedang menerokai kemungkinan untuk melabur dalam pengeluaran gula industri, biopolimer, produk pulpa & kertas dan produk biokimia.

Malaysia juga sedang beralih kepada pengeluaran derivatif oleokimia dan kimia berasaskan bio yang bernilai ditambah lebih tinggi. Di mana, Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah menerajui aktiviti R&D dan MIDA sentiasa menggalakkan lebih banyak usahasama di antara pemain industri dan institut penyelidikan untuk mengkomersilkan penemuan R&D.

Kompleks Petrokimia Bersepadu Pengerang (PIPC) akan menyerlahkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam industri produk petrokimia. Projek petrokimia di bawah PIPC akan membolehkan syarikat-syarikat menilai dan meraih peluang yang lebih baik untuk mengeluarkan kimia pertengahan dan khusus hiliran yang mampu memberikan pulangan lebih besar dan eksport yang bernilai lebih tinggi.

Masih terdapat ruang yang signifikan untuk penambahbaikan dalam meningkatkan kemahiran pekerja sektor perkilangan serta menangani kekurangan graduan STEM yang berkelayakan. Lebih-lebih lagi memandangkan syarikat-syarikat dalam sesetengah industri telah mula bersiap sedia ke arah Industri 4.0 dan melaksanakan R&D bagi melonjakkan diri dalam rantaian nilai.

“ Trend mega global bagi industri E&E dalam Industri 4.0 adalah langkah ke arah pemodenan '*lean manufacturing*' dan gaya hidup / ekonomi digital. ”

MIDA merupakan agensi unggul Malaysia yang berusaha untuk menarik minat pelabur di dalam dan di luar negara. |



07 | MENGEKALKAN KEGEMILANGAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA

Dalam menghadapi cabaran ekoran perubahan landskap ekonomi dan peningkatan dasar perdagangan perlindungan, Malaysia terus mencatatkan kestabilan dalam menarik minat pelabur melalui kelebihan yang merangkumi kedudukan geografi yang strategik di tengah-tengah ASEAN, tenaga kerja yang berkebolehan, infrastruktur yang baik, asas ekonomi yang kukuh dan iklim yang mesra perniagaan.

Menerajui usaha pelaburan, MIDA bekerja bersungguh-sungguh bersama Kerajaan Malaysia untuk memastikan bakal pelabur dan pelabur yang kembali ke Malaysia diberikan segala maklumat dan bantuan yang diperlukan bagi menyokong usaha pelaburan mereka. Sehubungan itu, MIDA telah mengadakan seminar, taklimat dan mesyuarat meja bulat bagi menangani kebimbangan utama pelabur berhubung dengan dasar-dasar kerajaan dan isu-isu pelaburan, serta pelaksanaan misi perdagangan ke luar negara dan menghadiri forum berkaitan.

Pelaburan tempatan di dalam negara terus kukuh dengan menyumbang sebanyak RM142.4 bilion. Bagi menyokong usaha dalam menggalakkan pelaburan domestik, MIDA telah menyampaikan maklumat penting berkenaan dengan dasar pelaburan, insentif dan peluang perniagaan yang relevan kepada komuniti perniagaan Malaysia. Usaha MIDA ini juga diperluaskan kepada pengurusan rantaian bekalan tempatan di mana pada tahun 2017, MIDA telah membantu membangunkan rantaian bekalan tempatan dengan menganjurkan siri Persidangan Rantaian Bekalan yang bertujuan untuk menggalakkan Syarikat Multinasional (MNC) dan Syarikat Besar Tempatan (LLC) untuk menyokong perniagaan tempatan dan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS). Melalui usaha ini, MIDA berharap untuk merangsang operasi perniagaan tempatan dan mewujudkan peluang untuk perniagaan tempatan dalam rantaian hubungan dengan MNC dan LLC.

MIDA juga bekerja keras untuk memperkasakan kesalinghubungan perniagaan bagi menggalakkan rangkaian dan merapatkan jurang antara MNC, LLC,

GLC, dewan perniagaan tempatan dan persatuan industri. Dengan berbuat demikian, MIDA berharap untuk merangsang pertukaran idea dan membuatkan entiti ini berbicara tentang isu-isu penting dan peluang perniagaan baharu. Berdasarkan ini, MIDA telah menubuhkan Meja Pelaburan PKS di semua Pejabat Negeri MIDA sebagai pusat sehati kepada bakal pelabur perniagaan sebagai tempat bagi mereka mendapatkan semua maklumat dan bantuan yang mereka perlukan.

Di peringkat global, angka pelaburan langsung asing (FDI) menjunam disebabkan oleh kejatuhan teruk yang dialami oleh ekonomi maju. Eropah dan Amerika Utara mengalami penurunan dalam aliran masuk FDI masing-masing sebanyak 27 dan 33 peratus. Walau bagaimanapun, prestasi Malaysia dalam menarik pelaburan asing tetap boleh dibanggakan dengan sejumlah RM41 bilion mengalir ke dalam negara yang disalurkan terutamanya kepada sektor Perlombongan dan Pengkuarian, Perkilangan dan Perkhidmatan Kewangan.

Bagi mempromosi dan menarik pelaburan asing pada tahun 2017, MIDA telah melaksanakan pelbagai jenis program dan aktiviti promosi. Ini termasuk Misi Perdagangan dan Pelaburan (TIM), Mesyuarat Meja Bulat dan Mini Seminar, Misi Projek Khas (SPM), Seminar, Forum dan Dialog Antarabangsa dengan dewan perniagaan asing, iklan dan advertorial. Melalui program-program ini, MIDA berhasrat untuk menarik pelaburan baharu dan pelaburan semula (projek pembesaran dan mempelbagaian) daripada pelabur sedia ada, terutamanya dalam industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan nilai ditambah tinggi.



Mengeratkan Kerjasama dengan Negara Luar

Malaysia memang terkenal dengan statusnya sebagai destinasi yang menarik bagi individu dan juga organisasi. Memandangkan semakin banyak negara menawarkan kelebihan yang sama, Malaysia kini menghadapi cabaran untuk kekal relevan dalam berhadapan dengan keperluan perniagaan yang berubah. Bagi menjenamakan semula Malaysia sebagai negara yang memfokus kepada masa depan, Malaysia perlu mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan produktiviti dan daya saingnya yang sedia ada serta berubah mengikut peredaran masa dengan menerapkan Internet of Things (IoT) dan revolusi perindustrian keempat (Industri 4.0).

Memandangkan FDI global pada keseluruhannya mencatatkan aliran menurun, MIDA telah melipatgandakan usahanya untuk kekal relevan kepada pelabur dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan program promosi. Selaras dengan Model Ekonomi Baru (NEM) dan sasaran yang ditetapkan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), MIDA mengambil langkah ke arah menarik dan menjana pelaburan berkualiti yang akan menawarkan peluang yang lebih besar dari segi prospek pekerjaan, pemindahan pengetahuan dan usaha pengembangan pada masa akan datang. Dalam hal ini, kemunculan ekonomi digital memainkan peranan penting. Ketika Malaysia mula melonjak dalam rantai nilai, projek-projek yang berasaskan inovasi dan berintensifkan pengetahuan dengan peluang pertumbuhan tinggi menjadi sasaran yang ingin dicapai. Menerusi pelaburan berkualiti tinggi ini, MIDA berharap rakyat Malaysia akan mendapat manfaat secara langsung melalui kesan limpahan daripada peluang perniagaan yang lebih besar dan pekerjaan yang lebih berkualiti.

Selaras dengan pendekatan bersasar bagi menarik pelaburan asing, MIDA telah menganjur dan mengambil bahagian dalam lima misi perdagangan dan pelaburan (TIM) di luar negara pada tahun 2017. Misi ini telah dihadiri oleh para pegawai Kerajaan Malaysia (termasuk pegawai-pegawai dari kerajaan negeri) dan wakil-wakil dari koridor ekonomi serantau dan sektor swasta. Melalui misi ini, MIDA berhasrat untuk memberikan maklumat terkini kepada pelabur mengenai iklim perniagaan tempatan serta memperkasa dan mempromosikan peluang perniagaan dan perkongsian

MIDA juga mengadakan taklimat untuk delegasi asing, kumpulan sektor swasta, persatuan industri, dewan perniagaan dan agensi kerajaan. Taklimat ini memberi MIDA kesempatan untuk memaklumkan perkembangan terkini kepada pihak berkepentingan mengenai dasar baharu, insentif yang berkaitan serta keadaan persekitaran perniagaan di Malaysia.

Menjelang akhir tahun 2017, MIDA telah menerima kira-kira 100 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga turut menerima lebih 100 kunjungan daripada delegasi asing dan pelabur luar negara.

di dalam negara. Setiap TIM merangkumi seminar mengenai peluang perdagangan dan pelaburan, mesyuarat meja bulat, mesyuarat pepadanan perniagaan dan sesi rangkaian eksklusif.

Dari bulan April hingga Disember, MIDA dan wakilnya telah mengunjungi India (Mumbai dan Delhi), Jepun (Osaka dan Tokyo) dan Korea Selatan (Seoul), Arab Saudi dan Turki, Eropah (Hamburg, Amsterdam dan Stockholm) dan Sri Lanka.

MIDA juga turut membantu dalam penganjuran seminar, mesyuarat dan kunjungan ke syarikat-syarikat di luar negara seiring dengan lawatan rasmi oleh YAB Perdana Menteri, YAB Timbalan Perdana Menteri, YB Menteri MITI, YB Timbalan Menteri MITI dan Ketua Pegawai Eksekutif MIDA. Secara kolektif, Kumpulan ini menghadiri Forum Ekonomi Dunia tahunan di Switzerland, lawatan kerja ke Shanghai, Beijing, Taiwan, Hangzhou, Iran, Emiriah Arab Bersatu, Singapura, Bahrain, Sri Lanka, Maldives dan Amerika Syarikat, Persidangan Belt and Road di Beijing, Persidangan CEO Global Forbes di Hong Kong dan Sidang Kemuncak Malaysia-Taiwan.

Tahun 2017 juga menyaksikan pelaksanaan 15 Misi Projek Khas di luar negara. Misi ini menyaksikan MIDA mengunjungi syarikat-syarikat terpilih di beberapa negara sasaran pada tahun 2017 dengan memfokus kepada syarikat yang berkaitan dengan industri berteknologi tinggi, berintensifkan modal dan nilai ditambah tinggi.

MIDA juga mengambil bahagian dalam 33 seminar, forum dan taklimat antarabangsa pada tahun 2017 termasuk Forum Ekonomi Dunia di Switzerland, Seminar Malaysia-Perancis mengenai Kereta Api Kelajuan Tinggi, mesyuarat Ease of Doing Business ASEAN vs Latin America, Forum Perniagaan Saudi-Malaysia, mesyuarat Malaysia-Britain: Partners in a Post-Brexit World, Forum Perdagangan dan Pelaburan EU-Malaysia, Persidangan Hangzhou dan Belt and Road, Persidangan ASEAN@50 dan Forum Perniagaan Nikkei.

Tanah Air Tercinta

Pelaburan domestik berkembang maju terutamanya dalam sektor perkhidmatan berikutan trend yang ditetapkan pada tahun-tahun lalu. Bagi menggalakkan pelabur tempatan, MIDA terus memaklumkan perkembangan terkini kepada bakal pelabur mengenai dasar, insentif dan peluang perniagaan yang relevan serta membantu dalam mengukuhkan rantaian bekalan tempatan. Meja Pelaburan PKS yang baru ditubuhkan telah memainkan peranan penting dalam menyampaikan maklumat kepada pemilik perniagaan kecil dengan memudahkan proses pencarian maklumat yang relevan bagi pelabur kali pertama. Melalui inisiatif ini, MIDA berharap untuk menggalakkan pelaburan domestik yang lebih besar dan memacu penubuhan lebih banyak perniagaan dan projek tempatan.

Pada tahun 2017, MIDA telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Rantaian Bekalan di dalam negara. Persidangan ini bertujuan untuk menyediakan platform bagi MNC dan LLC berkongsi kejayaan program-program mereka dalam menyokong PKS yang berhasrat untuk mengembangkan operasi mereka ke pasaran global, mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu rantaian bekalan dan cabaran yang dihadapi oleh MNC dan PKS, mewujudkan peluang untuk syarikat tempatan dan PKS mengembangkan operasi mereka di dalam dan di luar negara serta menggalakkan penggunaan produk dan perkhidmatan tempatan oleh MNC, LLC dan syarikat-syarikat asing lain yang berpangkalan di Malaysia.

Dari Mei hingga November, MIDA telah menjadi tuan rumah kepada persidangan di Wilayah Pantai Timur (Pahang), Wilayah Utara (Pulau Pinang), Wilayah Selatan (Johor), di Peringkat Kebangsaan (Kuala Lumpur), di Malaysia Timur (Sarawak) dan di Kelantan bersempena dengan Hari MITI.

“Menjelang akhir tahun 2017, MIDA telah menerima kira-kira 100 pertanyaan daripada syarikat asing dan tempatan mengenai penubuhan projek perkilangan dan perkhidmatan dan menerima lebih 100 kunjungan daripada delegasi asing dan pelabur luar negara.”



MIDA juga telah mengadakan seminar, bengkel dan klinik perniagaan bagi industri terpilih dalam usaha untuk menyebarkan maklumat mengenai peluang perniagaan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, mewujudkan rantaian hubungan perniagaan yang teguh antara perniagaan tempatan dan agensi kerajaan, membantu MNC dan menyokong perniagaan tempatan serta menyediakan platform bagi pemain industri membincangkan isu-isu dan cabaran yang mereka hadapi dalam industri masing-masing.

Sehubungan itu, sebanyak 21 seminar industri khusus telah dianjurkan sepanjang tahun 2017. Antaranya ialah Mesyuarat Pertama Kumpulan Kerja E-fulfilment,

Seminar Perkilangan Pintar, Persidangan Rantian Bekalan Bahan Binaan Khusus, Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi 2017, Pameran & Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau & Produk Eko (IGEM) Ke-7 Malaysia 2017, Persidangan IoT 2017 dan Persidangan Biomas Antarabangsa.

Tugas MIDA juga termasuk menganjurkan mesyuarat rasmi antara YB Menteri MITI dan pemain-pemain tempatan dalam industri. Pada tahun 2017, YB Menteri MITI telah mengadakan pertemuan dengan tiga LLC untuk mengenal pasti potensi mereka dalam membangunkan ekosistem perniagaan dalam industri masing-masing, memperguna dan memanfaatkan peluang penyumberluaran yang diwujudkan oleh syarikat-syarikat ini serta menjalin hubungan baik bagi membolehkan syarikat-syarikat ini dan MIDA berkongsi idea dan memberikan maklumat terkini mengenai situasi yang sedang berlaku berkaitan dengan pelaburan domestik. Tiga LLC tersebut ialah Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Kumpulan Syarikat, Media Prima Berhad dan Petronas Dagangan Bhd.

YB Menteri MITI juga turut serta dalam empat acara turun padang sepanjang tahun itu untuk melawat fasiliti dan kilang serta mengadakan perbincangan dengan pemain industri. Pada tahun 2017, Menteri telah mengunjungi Decathlon Malaysia, Finisar (M) Sdn Bhd, Movie Animation Park Studio, STMicroelectronics dan pemain industri utama lain di Johor. Pada pertemuan ini, YB Menteri MITI mengambil kesempatan untuk menyampaikan maklumat terkini kepada syarikat-syarikat ini dan pihak berkepentingan mengenai dasar dan inisiatif terbaru kerajaan.

Pada tahun 2017, MIDA berganding bahu dengan BURSA Malaysia untuk menganjurkan program bagi meraih penglibatan syarikat-syarikat Malaysia dan menggalakkan mereka mengembangkan perniagaan untuk disenaraikan pada 11 Mei di MIDA.

MIDA juga telah menubuhkan Meja Pelaburan PKS pada tahun 2017 yang berfungsi sebagai pusat sehati untuk PKS mendapatkan semua keperluan pelaburan mereka. Melalui Meja Pelaburan PKS, MIDA dapat memaklumkan kepada PKS mengenai inisiatif Kerajaan dan memudahkan transformasi keupayaan dan produktiviti PKS. Meja Pelaburan PKS juga memudahkan usaha PKS untuk membentuk kerjasama

perniagaan yang mampan melalui pembangunan rantaian nilai di peringkat tempatan, serantau dan global.

Menerusi Meja Pelaburan PKS, MIDA juga dapat mendekati PKS di seluruh negara, dengan itu membolehkannya menyusun, menyimpan dan mengemaskinikan rekod mengenai PKS Malaysia. Sejumlah 40 program telah dilaksanakan di seluruh Semenanjung dan Malaysia Timur. Program ini telah disertai oleh 2,198 individu dari 1,212 syarikat.

MIDA melalui Bahagian Pelaburan Domestik, juga dengan sokongan dan kerjasama dengan agensi-agensi lain telah menganjurkan program bersama Pegawai Promosi Pelaburan dari Negara Afrika dan negara-negara asing lain. Pada tahun 2017, MIDA telah berhubung dengan Pihak Berkuasa Pembangunan Pelaburan Bangladesh dan Kementerian Pentadbiran Awam Bangladesh, Institut Pentadbiran Pembangunan Sri Lanka, Persekutuan Usahawan Dongguan Malaysia, Perusahaan Kecil dan Sederhana dan kluster Inovasi Serantau Jepun dan mengambil bahagian dalam Promosi Pelaburan di Negara Afrika. MIDA juga menerima kunjungan dari universiti dan institusi tempatan untuk memberi mereka pemahaman yang lebih baik mengenai MIDA dan suasana pelaburan di Malaysia.

Dana Strategik Pelaburan Domestik

Dilancarkan pada tahun 2012, Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat milik Malaysia dalam industri nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. Melalui DISF, syarikat berpeluang menerima geran bagi membiayai perbelanjaan yang ditanggung bagi melatih bakat Malaysia, aktiviti R&D yang dijalankan di Malaysia, pemodenan dan penambahbaikan kemudahan dan peralatan, mendapatkan piawaian dan pensijilan antarabangsa serta pelesenan atau pembelian teknologi baharu atau tinggi.

“ Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat milik Malaysia dalam industri nilai ditambah yang tinggi, berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi. ”

Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF)

270 Jumlah projek **RM1,328.1 juta** Jumlah geran

geran yang diluluskan

-  Geran Modal **RM 842 .5 juta**
-  Geran Penyelidikan dan Pembangunan **RM 332.4 juta**
-  Geran Latihan **RM 74.7 juta**
-  Geran Pelesenan Dan Pembelian Teknologi Baru Dan / Atau Tinggi **RM49.9 juta**
-  Geran Pensijilan Dan Standard Antarabangsa **RM28.6 juta**

Menjelang akhir tahun 2017, sebanyak 270 projek dengan pelaburan berjumlah RM13 bilion telah diluluskan dengan geran berjumlah RM1,328.1 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM74.7 juta telah diperuntukkan untuk geran latihan, RM332.4 juta untuk geran R&D, RM842.5 juta untuk geran modal, RM28.6 juta untuk pensijilan dan piawaian antarabangsa dan RM49.9 juta untuk pelesenan dan pembelian teknologi baharu dan/atau tinggi.

Elektrik dan Elektronik (E&E) mencakupi sebahagian besar geran dengan 34 projek bernilai RM344.7 juta, diikuti oleh Pengangkutan dengan 32 projek bernilai RM338.8 juta dan Jentera dan Kejuruteraan Maju dengan 100 projek bernilai RM250.9 juta. Di seluruh Malaysia, negeri yang mempunyai peruntukan geran tertinggi ialah Selangor sebanyak RM533.1 juta untuk 102 projek dan Pulau Pinang dengan RM410.9 juta untuk 79 projek.

Penyata kewangan MIDA yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.



08 | PENYATA KEWANGAN

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Prestasi Bajet bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 29.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juraudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (samb.)

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawalan pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (samb.)

- a. Menilai pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang dipuna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 (Akta 397), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(LIM SOK KIANG)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 OGOS 2018



PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Jemaah

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia
(Pindaan) 2011)

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Jemaah

Kami, **AZMAN MAHMUD** dan **DATO' KHODIJAH ABDULLAH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Jemaah, **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Jemaah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia**, pada 31 Disember, 2017 dan hasil kendaliannya serta perubahan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Jemaah,


.....
DATO' AZMAN MAHMUD

PENGERUSI

20 OGOS 2018

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Jemaah,


.....
DATO' KHODIJAH ABDULLAH

AHLI JEMAAH

20 OGOS 2018

KUALA LUMPUR

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA (MIDA)

Saya, **MOHAMED ZUHARI MOHAMED NOR** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PEMBANGUNAN PELABURAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Prestasi Bajet dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan Nota-Nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada 20 OGOS 2018)



.....
MOHAMED ZUHARI MOHAMED NOR

Di hadapan saya,



.....
PESURUHJAYA SUMPAAH

Lot 1.08, Tingkat 1
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut
60300 Kuala Lumpur
Tel: 019 8980745

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2017

	Nota	31 Disember 2017 (RM)	Dinyatakan Semula 31 Disember 2016 (RM)
ASET BUKAN SEMASA			
• Hartanah, Loji dan Peralatan	3	143,393,613	152,447,100
• Aset Tak Ketara	4	1,267,941	61,532
• Hartanah Pelaburan	5	326,810	326,810
• Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran	6	5,183,388	8,058,783
		150,171,752	160,894,225
ASET SEMASA			
• Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran	6	8,299,266	5,074,195
• Tunai dan Kesetaraan Tunai	7	103,588,635	233,345,822
		111,887,901	238,420,017
Jumlah Aset		262,059,653	399,314,242
LIABILITI SEMASA			
• Akaun Belum Bayar	8	20,012,648	28,863,753
• Geran Tertunda	9	66,753,263	183,433,486
• Peruntukan Imbuhan Tahunan	10	2,206,133	2,581,294
• Manfaat Pekerja	11	384,494	760,474
		89,356,538	215,639,007
LIABILITI BUKAN SEMASA			
• Akaun Belum Bayar	8	1,492,233	1,410,232
• Manfaat Pekerja	11	11,101,368	10,664,481
		12,593,601	12,074,713
Jumlah Liabiliti		101,950,139	227,713,720
ASET BERSIH			
• Kumpulan Wang Berkumpul Mengurus	12	160,109,514	171,600,522
• Kumpulan Wang Berkumpul Pembiayaan Komputer		156,759,514	168,250,522
• Kumpulan Wang Berkumpul Pembiayaan Komputer		350,000	350,000
• Kumpulan Wang Berkumpul Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000
Jumlah Aset Bersih dan Liabiliti		262,059,653	399,314,242

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Nota	31 Disember 2017 (RM)	Dinyatakan Semula 31 Disember 2016 (RM)
HASIL DARIPADA URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN			
• Penerimaan daripada Geran Kerajaan	13	146,672,000	145,374,600
• Penerimaan daripada Faedah Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		30,000,000	32,317,000
• Pelarasan daripada Geran Tertunda Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		(7,689,742)	–
• Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		430,678,346	454,959,649
• Pendapatan Tertunda daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		291,375	140,420
• Pendapatan Tertunda daripada Akaun Pembangunan MIDA		9,281,156	1,166,031
		609,233,135	633,957,700
HASIL DARIPADA URUS NIAGA PERTUKARAN			
• Pendapatan Sewaan	14	834,677	661,733
• Pendapatan Faedah / Keuntungan Hibah	15	8,915,822	9,334,918
• Lain-lain Pendapatan		1,209,314	1,156,143
• Hutang Ragu Dikutip		176,130	0
		11,135,943	11,152,794
Jumlah Hasil		620,369,078	645,110,494
BELANJA			
• Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja	16	96,051,029	101,783,225
• Perbelanjaan Sewaan		28,708,403	27,803,596
• Perkhidmatan Ikhtisas / Lain dan Hospitaliti		27,090,586	20,747,817
• Belanja Susutnilai dan Pelunasan	17	3,598,268	17,238,686
• Penjejasan Aset Kewangan		106,928	577,144
• Perhubungan dan Utiliti		10,216,286	9,802,557
• Pembaikan dan Penyelenggaraan		7,232,912	7,557,473
• Perjalanan dan Sara Hidup		8,710,623	7,024,471
• Belanja Lain	18	18,794,619	3,981,272
• Perlunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)		430,678,346	454,959,649
• Perlunasan daripada Akaun-Akaun Khas (Mengurus)		291,375	140,420
Jumlah Belanja		631,479,375	651,616,310

samb. >>

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (samb.)

<< samb.

Nota	31 Disember 2017 (RM)	Dinyatakan Semula 31 Disember 2016 (RM)
LEBIHAN (KURANGAN) LAIN		
• Keuntungan atas Penjualan Hartanah, Loji dan Peralatan	0	38,326
• Keuntungan Jualan	0	3,939
• Keuntungan / (Kerugian) atas Pertukaran Matawang Asing	(380,711)	252,349
	(380,711)	294,614
(Kurangan) Tahunan Semasa	(11,491,008)	(6,211,202)

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus Nota 12	Kumpulan Wang Terkumpul Pinjaman Kenderaan Nota 12	Kumpulan Wang Terkumpul Pembiayaan Komputer Nota 12	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2016 (Dinyatakan Semula)	174,461,724	3,000,000	350,000	177,811,724
Lebih / (Kurangan) untuk Tahun Semasa	(6,211,202)	0	0	(6,211,202)
Baki pada 1 Januari 2017	168,250,522	3,000,000	350,000	171,600,522
Lebih / (Kurangan) untuk Tahun Semasa	(11,491,008)	0	0	(11,491,008)
Baki pada 31 Disember 2017	156,759,514	3,000,000	350,000	160,109,514

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Nota	31 Disember 2017 (RM)	Dinyatakan Semula 31 Disember 2016 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
(Kurangan)	(11,491,008)	(6,211,202)
Pergerakan Bukan Tunai		
• Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	3,277,566	17,193,408
• Pelunasan Aset Tak Ketara	320,702	45,279
• (Untung) Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	–	(38,326)
• Rugi Hapuskira Hartanah, Loji dan Peralatan	167	5,768
• Peruntukan untuk Imbuan Tahunan	2,206,133	2,581,294
• Penjejasan Aset Kewangan	106,928	577,144
• Peruntukan Manfaat Pekerja	1,044,032	1,169,639
• Pelarasan dari Kerja Dalam Pelaksanaan	13,570,271	–
• Pelarasan dari Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)	7,689,742	–
• Pendapatan Faedah / Hibah daripada Deposit / Pembiayaan	(8,915,822)	(9,334,918)
Lebih / (Kurangan) Operasi sebelum Perubahan Modal Kerja	7,808,711	5,988,086
Perubahan Modal Kerja		
• Kurangan Penghutang	15,505	1,591,685
• (Kurangan) / Tambahan Pemiutang	(8,769,104)	3,915,380
• (Kurangan) Imbuan Tahunan	(2,581,294)	–
• Kurangan Manfaat Pekerja	(983,124)	(807,397)
Tunai Bersih daripada Aktiviti Operasi	(4,509,306)	10,687,754
• Pendapatan Faedah / Hibah daripada Deposit / Pembiayaan	8,443,712	8,411,918
Aliran Tunai Bersih Digunakan Daripada Aktiviti Operasi	3,934,406	19,099,672

samb. >>

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017 (samb.)

<< samb.

Nota	31 Disember 2017 (RM)	Dinyatakan Semula 31 Disember 2016 (RM)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(9,321,628)	(1,239,044)
Pembelian Harta Tak Ketara	–	(76,400)
Kutipan daripada Pelupusan Kenderaan Pejabat	–	38,327
Aliran Tunai Bersih Digunakan Daripada Aktiviti Pelaburan	(9,321,628)	(1,277,117)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)	340,510,000	554,005,584
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)	(460,678,346)	(487,136,229)
Penerimaan Akaun-Akaun Khas (Mengurus)	370,912	334,137
Pembayaran Akaun-Akaun Khas (Mengurus)	(291,375)	(140,420)
Penerimaan Akaun Pembangunan MIDA	5,000,000	–
Pembayaran Akaun Pembangunan MIDA	(9,281,156)	(832,461)
Aliran Tunai Bersih Digunakan Daripada Aktiviti Pembiayaan	(124,369,965)	66,230,611
Peningkatan / (Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai	(129,757,187)	84,053,166
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1 Januari	233,345,822	149,292,656
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	103,588,635	233,345,822

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

PENYATA PRESTASI BAJET BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

	2017 Anggaran Asal	2017 Anggaran Disemak	2017 Anggaran Akhir	2017 Hasil Sebenar	2016 Hasil Sebenar
	RM	RM	RM	RM	RM
ANGGARAN HASIL					
Peruntukan Geran Mengurus	150,672,000	(4,000,000)	146,672,000	146,672,000	145,374,600
Pendapatan Sewaan	600,000		600,000	834,678	661,733
Pendapatan daripada Kumpulan Wang Pembangunan	22,000,000		22,000,000	22,310,258	32,317,000
Pendapatan dari Faedah Bank	8,000,000		8,000,000	8,879,534	9,299,340
Pendapatan Faedah / Keuntungan Hibah	40,000		40,000	36,287	35,578
Lain-lain Pendapatan	2,000,000		2,000,000	1,003,615	1,408,493
Jumlah Hasil	183,312,000	(4,000,000)	179,312,000	179,736,372	189,096,744
	Peruntukan Asal 2017	Pelarasan 2017	Peruntukan Akhir 2017	Perbelanjaan Sebenar Dalam Asas Perbandingan 2017	Varian Bajet 2017
	RM	RM	RM	RM	RM
PERBELANJAAN OPERASI (VOT B)					
Perbelanjaan					
Emolumen	96,119,700	–	96,119,700	96,079,161	40,539
Bekalan dan Perkhidmatan	33,609,600	46,350,510	80,960,110	84,147,516	(3,187,406)
Bayaran-Bayaran Lain	942,700	–	942,700	2,913,275	(1,970,575)
Jumlah Perbelanjaan Mengurus	130,672,000	46,350,510	178,022,510	183,139,952	(5,117,442)

Nota: Asas penyediaan bajet dan asas penyediaan perakaunan dalam berbeza.

Nota-nota dan polisi perakaunan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini dan perlu dibaca bersama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017

1. Maklumat Umum

Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) Akta 1965 [Akta 397].

Kegiatan utama MIDA adalah untuk menggalak dan menyelaras pembangunan industri dan perkhidmatan berkaitan di Malaysia. Ibu Pejabat MIDA ditempatkan di MIDA Sentral, No. 5, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.

Penyata Kewangan ini telah dibentang dan diluluskan melalui resolusi kepada Ahli Jemaah pada 20 Ogos 2018.

2.1 Asas Penyediaan

(a) Tempoh Laporan dan Entiti

Penyediaan Penyata Kewangan MIDA adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan Mida adalah daripada 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan MIDA.

(b) Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS

Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ini juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dan penilaian dalam proses mewujudkan polisi perakaunan MIDA.

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting

Piawaian dan Interpretasi yang dikeluarkan, belum berkuatkuasa dan diterima pakai awal oleh MIDA.

MIDA telah memilih untuk menerima pakai awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017 seperti berikut:

MPSAS

- MPSAS 1 Pembentangan Penyata Kewangan
- MPSAS 2 Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3 Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4 Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 9 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran
- MPSAS 13 Pajakan
- MPSAS 14 Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16 Hartanah Pelaburan
- MPSAS 17 Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21 Penjejasan Aset Tidak Menjana Tunai
- MPSAS 23 Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan)
- MPSAS 24 Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25 Manfaat Pekerja
- MPSAS 26 Penjejasan Aset Menjana Tunai

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

- MPSAS 28 Instrumen Kewangan: Pembentangan
- MPSAS 29 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
- MPSAS 30 Instrumen Kewangan: Pendedahan
- MPSAS 31 Aset Tak Ketara
- MPSAS 33 Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

MIDA menjangkakan bahawa penggunaan MPSAS berikut tidak akan memberi sebarang kesan material ke atas tempoh semasa dan mungkin tidak memberi kesan kepada tempoh masa hadapan.

- MPSAS 5 Kos Pinjaman
- MPSAS 6 Penyata Kewangan Disatukan dan Berasingan
- MPSAS 7 Pelaburan dalam Entiti Bersekutu
- MPSAS 8 Kepentingan dalam Usaha Sama
- MPSAS 11 Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12 Inventori
- MPSAS 22 Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan
- MPSAS 27 Pertanian
- MPSAS 32 Aturan Konsesi Perkhidmatan: Penjamin
- MPSAS 34 Penyata Kewangan Berasingan
- MPSAS 35 Penyata Kewangan Disatukan
- MPSAS 36 Pelaburan dalam Entiti Bersekutu dan Usaha Sama
- MPSAS 37 Aturan Bersama
- MPSAS 38 Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain

a) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Penerimaan Hasil

Hasil daripada urusniaga bukan pertukaran dengan Kerajaan Persekutuan diukur pada nilai saksama dan diiktiraf pada kawalan mendapatkan aset (tunai) jika pindahan itu adalah bebas daripada syarat dan terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan aset tersebut akan dijana kepada MIDA dan boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa yang diterima daripada pajakan operasi ke atas pelaburan hartanah diambil kira mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan dan dimasukkan sebagai hasil.

b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada tanah pegangan kekal dipegang untuk hasil sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya, dan tidak diduduki oleh MIDA.

Hartanah pelaburan diukur pada mulanya pada kos, termasuk kos urusniaga. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai dan penjejasan terkumpul. Tiada susutnilai pada pelaburan hartanah kerana ianya adalah tanah pegangan bebas.

Perbelanjaan berikutan dipermodalkan kepada jumlah dibawa aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan perbelanjaan tersebut akan mengalir kepada MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan kos penyelenggaraan dibelanjakan apabila ditanggung. Apabila sebahagian daripada hartanah pelaburan diganti, nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tidak diiktiraf.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

b) Hartanah Pelaburan (samb.)

Hartanah pelaburan tidak dimasukkan sama ada apabila ia dilupuskan atau apabila hartanah pelaburan secara tetap daripada kegunaan dan tiada manfaat ekonomi atau perkhidmatan potensi masa depan dijangka daripada pelupusannya. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan dengan amaun dibawa lebih atau defisit dimasukkan dalam keuntungan/ (kerugian) bersih. Apabila adanya perubahan pada kegunaan harta tersebut, maka pindahan dibuat kepada/daripada hartanah pelaburan.

c) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai penjejasan terkumpul kecuali tanah pegangan bebas dan kerja dalam pelaksanaan. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya hartanah, loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh MIDA dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebih atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

• Bangunan	2% setahun
• Pengubahsuaian	20% setahun
• Kenderaan	20% setahun
• Komputer, peralatan dan perisian	20% setahun
• Peralatan pejabat	10% setahun

Nilai baki aset dan hayat berguna dikaji dan dilaraskan secara prospektif, jika sesuai, pada akhir setiap tempoh pelaporan.

Pada akhir tempoh laporan ini, MIDA menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan. Sekiranya wujud, analisa akan dibuat untuk menilai sama ada nilai dibawa aset boleh pulih sepenuhnya. Nilai dibawa aset dikurangkan dengan serta-merta kepada amaun boleh pulih, atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika jumlah bawaan aset adalah lebih besar daripada amaun atau perkhidmatan boleh pulih.

MIDA menyahiktiraf item hartanah, loji dan peralatan dan/atau mana-mana sebahagian besar daripada aset semasa pelupusan atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan digunakan oleh MIDA. Untung atau rugi yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dimasukkan ke dalam lebih atau kurangan apabila item tersebut dinyahiktirafkan.

d) Pajak

Pajak adalah suatu perjanjian di mana pemberi pajak menyewakan kepada penerima pajak untuk suatu bayaran atau siri bayaran bagi hak penggunaan aset untuk tempoh masa yang dipersetujui.

Pajak Operasi - MIDA sebagai Pemajak

Pajak aset di mana sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran hakmilik disimpan oleh pemberi pajak adalah diklasifikasikan sebagai pajak operasi. Bayaran di bawah pajak operasi (selepas ditolak sebarang insentif yang diterima daripada pemberi pajak) adalah dicaj kepada lebih atau defisit pada kadar garis lurus sepanjang tempoh pajak.

Pajak Operasi - MIDA sebagai Pemberi Pemajak

Apabila aset dipajak di bawah pajak operasi, aset yang termasuk dalam penyata kedudukan kewangan berdasarkan kepada jenis aset. Pajak pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh pajak berdasarkan kaedah garis lurus.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

e) Aset Tak Ketara - Perisian Komputer dan Sistem

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh MIDA diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

(i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;

(ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;

(iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;

(iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;

(v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan

(vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 5 tahun.

Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan

perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 5 tahun.

f) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Penjejasan Aset Janaan Tunai

Pada setiap tarikh pelaporan, MIDA menilai sama ada terdapat petunjuk bahawa terdapat penjejasan. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian penjejasan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan amaun boleh pulih aset. Jumlah boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya dan ditentukan untuk aset individu kecuali aset tersebut tidak menjana aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset-aset atau aset lain MIDA.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Penjejasan Aset Janaan Tunai

Kerugian operasi berterusan, diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam kategori tersebut penjejasan di mana belanja tersebut konsisten dengan sifat aset terjejas.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebih atau defisit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

f) Penjelasan Aset Bukan Kewangan (samb.)

Kemerosotan Nilai Aset Yang Menjana Bukan Tunai

MIDA menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa janaan aset bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, atau apabila ujian kemerosotan tahunan bagi aset diperlukan, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah lebih tinggi daripada nilai saksama menjana aset bukan tunai ditolak kos untuk menjual dan nilai dalam penggunaan.

Di mana nilai bawaan aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dianggap terjejas dan dikurangkan kepada amaun boleh pulih.

Dalam menilai nilai yang digunakan, MIDA telah menerima pakai pendekatan susutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa potensi baki kos penggantian perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian susutnilai. Kos penggantian susutnilai diukur sebagai pengeluaran semula atau penggantian kos aset, yang mana lebih rendah, susutnilai terkumpul dikira berdasarkan kos, untuk mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos jualan, harga aset dalam satu perjanjian yang mengikat dalam urusaniaga tulus, diselaraskan untuk kos tambahan yang akan dikaitkan secara langsung dengan pelupusan aset tersebut. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran aktif, nilai saksama tolak kos jualan adalah persamaan harta pasaran ditolak kos pelupusan. Jika tiada ikatan perjanjian yang sah atau adanya pasaran aktif untuk aset tersebut, MIDA menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat terbaik yang ada.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk bahawa kerugian penjejasan nilai yang diiktiraf sebelum ini mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, MIDA menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset yang diiktiraf sebelum ini kerugian penjejasan dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam

andaian yang digunakan untuk menentukan amaun perkhidmatan boleh pulih kali terakhir pengiktirafan penjejasan. Kebalikan adalah terhad supaya amaun dibawa aset tidak melebihi amaun perkhidmatan boleh pulih, tidak melebihi jumlah dibawa yang mungkin telah ditentukan, bersih daripada susutnilai, sekiranya tiada kerugian penjejasan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Kebalikan sedemikian diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

g) Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Klasifikasi

MIDA mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan belum diterima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan yang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan tetap atau pembayaran boleh ditentukan yang tidak sebutharga dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan kesetaraan belum diterima oleh MIDA terdiri daripada 'Akaun Belum Terima' dan tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Pembelian biasa dan jualan aset kewangan diiktiraf pada dagangan terkini, tarikh di mana MIDA membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

Pengukuran Berikutnya

Pinjaman dan aset kewangan penghutang kemudiannya dibawa pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Penyahiktirafan

Aset kewangan pengiktirafannya apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan MIDA telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

Penjelasan Nilai Aset Kewangan Yang Dibawa Pada Kos Pelunasan

MIDA menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa aset kewangan MIDA terjejas. Aset kewangan MIDA dianggap sebagai terjejas jika, dan hanya jika, terdapat bukti objektif penjejasan nilai disebabkan oleh satu atau lebih peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset (yang ditanggung 'peristiwa kerugian') dan peristiwa kerugian mempunyai kesan ke atas aliran tunai masa hadapan aset kewangan MIDA yang boleh dianggarkan dengan pasti. Bukti penjejasan mungkin termasuk penunjuk berikut:

- Penghutang MIDA mengalami kesukaran kewangan yang ketara;
- Ingkar atau delinkuens dalam bayaran faedah atau pokok;
- Kebarangkalian bahawa penghutang akan mufliis;
- Data menunjukkan bahawa terdapat pengurangan yang boleh diukur dalam aliran tunai pada masa depan, seperti perubahan dalam tunggakan atau keadaan ekonomi yang berhubung kait dengan keingkar.

MIDA menilai sama ada bukti objektif penjejasan nilai wujud secara individu bagi aset kewangan yang ketara secara individu atau kolektif bagi aset kewangan yang tidak ketara secara individu. Jika MIDA menentukan bahawa tiada bukti objektif penjejasan nilai wujud bagi aset kewangan yang dinilai secara individu, sama ada penting atau tidak, ia termasuk aset dalam aset kewangan MIDA dengan ciri-ciri risiko kredit yang sama dan dinilai secara kolektif untuk penjejasan. Aset yang dinilai secara individu untuk penjejasan dan di mana kerugian penjejasan adalah, atau terus diiktiraf, tidak termasuk dalam penilaian kolektif penjejasan.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian penjejasan telah berlaku, jumlah kerugian diukur sebagai perbezaan di antara jumlah aset bawaan dan jumlah boleh pulih.

Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Liabiliti kewangan MIDA termasuk pemiutang. Pemiutang diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama.

Pengukuran Berikutan

Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Penyahiktirafan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti tersebut dilepaskan atau dibatalkan atau diluputkan.

h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 3 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

i) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila MIDA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

2.2 Ringkasan Dasar Perakaunan Penting (samb.)

j) Manfaat Pekerja

Manfaat Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, imbuhan tahunan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

MIDA mengiktiraf liabiliti dan belanja Imbuhan Tahunan, berdasarkan formula yang mengambil kira lebihan yang boleh diagihkan kepada MIDA selepas beberapa palarasan. MIDA mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

Manfaat Pencen Pasca Pekerjaan

MIDA mempunyai pelan manfaat pencen pasca pekerjaan sejajar dengan keadaan dan amalan tempatan. Pelan manfaat ini adalah sama ada caruman wajib atau pelan manfaat ditetapkan.

Pelan caruman wajib ialah pelan pencen di mana MIDA membayar caruman tetap kepada sebuah entiti berasingan (dana) secara mandatori, kontrak atau sukarela dan MIDA mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif untuk membayar caruman selanjutnya jika dana tersebut tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat pekerja berkaitan dengan perkhidmatan pekerja dalam tempoh semasa dan sebelumnya. Sumbangan MIDA kepada pelan caruman wajib dicaj kepada lebihan atau defisit dalam tempoh yang berkaitan.

Pelan manfaat yang ditetapkan ialah pelan pencen yang bukan merupakan pelan caruman tetap. Pelan manfaat ditentukan adalah ganjaran pencen yang akan diterima selepas bersara, biasanya bergantung kepada satu atau lebih faktor seperti umur, tahun perkhidmatan dan pampasannya.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan

untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Hasilnya, ia tidak dapat membuat kenyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini.

MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

k) Urusniaga dalam Matawang Asing

Item dalam penyata kewangan ini diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana MIDA beroperasi (matawang fungsian). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan matawang fungsian dan pelaporan MIDA.

Urusniaga dalam matawang asing telah diambil kira pada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) kadar arahan pertukaran pada bulan urusniaga. Tunai dan kesetaraan tunai dalam matawang asing dilaporkan pada penyata kedudukan kewangan dengan menggunakan kadar pertukaran pada bulan Disember.

Perbezaan pertukaran yang terhasil daripada penyelesaian urusniaga tersebut dan daripada terjemahan pada kadar pertukaran bulan penutupan bagi aset dan liabiliti kewangan dalam matawang asing pertukaran asing diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Keuntungan dan kerugian pertukaran matawang asing dengan tunai dan kesetaraan tunai dinyatakan dalam lebihan atau defisit dalam keuntungan atau kerugian lain.

l) Pertimbangan dan Sumber Ketidakpastian Anggaran

Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan MIDA membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada amaun Hasil, Belanja, Aset dan Liabiliti, dan pendedahan Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka pada akhir tahun kewangan. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai andaian dan anggaran ini akan menyebabkan Hasil yang memerlukan palarasan material kepada Amaun Bawaan Aset atau Liabiliti dalam tempoh masa hadapan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

Pajakan Operasi (sebagai Pemberi Pajak)

MIDA telah memeterai pelbagai pajakan komersil. MIDA telah menentukan, berdasarkan penilaian terhadap terma dan syarat perjanjian, bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan signifikan hartanah dan mengakaunkan kontrak tersebut sebagai Pajak Operasi.

Peruntukan

Peruntukan diukur pada anggaran terbaik perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi pada tarikh pelaporan.

Penjejasan Belum Terima

MIDA membuat penilaian pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa Aset Kewangan telah terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif penjejasan MIDA mengambil kira faktor seperti kemungkinan insolvensi atau kesukaran kewangan yang signifikan bagi penghutang dan kegagalan atau kelewatan dalam pembayaran. Apabila terdapat bukti objektif penjejasan amaun dan pemaasan aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri Risiko Kredit yang serupa.

3. Hartanah, Loji dan Peralatan

	Tanah Milik Bebas	Bangunan	Pengubah-suaian Pejabat	Kenderaan	Perkakasan Komputer	Peralatan Pejabat	Kerja Dalam Perlak-sanaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS								
Pada 1 Januari 2017	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,171,641	48,978,695	3,245,923	15,802,941	266,228,276
Pertambahan	–	–	–	–	34,475	5,997	9,236,856	9,277,328
Pelarasan	–	–	–	–	–	–	(15,053,082)	(15,053,082)
Pelupusan	–	–	–	–	(1,540,499)	(1,299)	–	(1,541,798)
Hapus Kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember 2017	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,171,641	47,472,671	3,250,620	9,986,715	258,910,724
SUSUT NILAI TERKUMPUL DAN KERUGIAN PENJEJASAN TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2017	–	14,964,674	41,111,135	7,381,121	48,379,453	1,944,793	–	113,781,176
Susut Nilai Semasa	–	2,138,358	–	473,550	385,932	279,726	–	3,277,566
Pelupusan	–	–	–	–	(1,540,461)	(1,170)	–	(1,541,631)
Hapus Kira	–	–	–	–	–	–	–	–
Pada 31 Disember 2017	–	17,103,032	41,111,135	7,854,671	47,224,924	2,223,349	–	115,517,111
NILAI BUKU BERSIH								
Pada 31 Disember 2017	42,000,000	89,814,870	39	316,970	247,747	1,027,271	9,986,715	143,393,613
Pada 31 Disember 2016	42,000,000	91,953,228	39	790,520	599,242	1,301,130	15,802,941	152,447,100

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)
3. Hartanah, Loji dan Peralatan (samb.)

	Tanah Milik Bebas	Bangunan	Pengubah-suaian Pejabat	Kenderaan	Perkakasan Komputer	Peralatan Pejabat	Kerja Dalam Perlak-sanaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KOS								
Pada 1 Januari 2016	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,655,435	49,342,280	3,235,011	14,713,310	265,975,112
Pertambahan	–	–	–	–	128,916	20,497	1,089,631	1,239,044
Pelupusan	–	–	–	(483,794)	–	–	–	(483,794)
Hapus Kira	–	–	–	–	(492,500)	(9,585)	–	(502,085)
Pada 31 Disember 2016	42,000,000	106,917,902	41,111,174	8,171,641	48,978,696	3,245,923	15,802,941	266,228,277
SUSUT NILAI TERKUMPUL DAN KERUGIAN PENJEJASAN TERKUMPUL								
Pada 1 Januari 2016	–	12,826,316	32,888,939	7,299,811	42,883,663	1,669,148	–	97,567,877
Susut Nilai Semasa	–	2,138,358	8,222,196	565,101	5,983,883	283,870	–	17,193,408
Pelupusan	–	–	–	(483,791)	–	–	–	(483,791)
Hapus Kira	–	–	–	–	(488,092)	(8,225)	–	(496,317)
Pada 31 Disember 2016	–	14,964,674	41,111,135	7,381,121	48,379,454	1,944,793	–	113,781,177
NILAI BUKU BERSIH								
Pada 31 Disember 2016	42,000,000	91,953,228	39	790,520	599,242	1,301,130	15,802,941	152,447,100

4. Aset Tak Ketara

	Perisian Komputer	Sistem	2017 Jumlah	2016 Jumlah
	RM	RM	RM	RM
KOS				
Pada 1 Januari	305,711	237,775	543,486	467,086
Pelarasan	–	1,527,111	1,527,111	76,400
Pada 31 Disember	305,711	1,764,886	2,070,597	543,5486
PELUNASAN TERKUMPUL				
Pada 1 Januari	305,301	176,653	481,954	436,675
Caj Tahun Semasa	–	320,702	320,702	45,279
Pada 31 Disember	305,301	497,355	802,656	481,954
NILAI BUKU BERSIH				
Pada 1 Januari	410	61,122	61,532	30,411
Pada 31 Disember	410	1,267,531	1,267,941	61,532

Perisian komputer ialah bayaran lesen dan yuran profesional yang terlibat untuk penggunaan aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)
5. Hartanah Pelaburan

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Pada tarikh	326,810	326,810
Pendapatan Sewa daripada Hartanah Pelaburan	439,920	388,800

Nilai saksama hartanah pelaburan dibawa pada kos berjumlah RM129,100,000. Nilai saksama ditentukan berdasarkan penilaian terakhir dilakukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pada 31 Disember 2011.

6. Pinjaman dan Akaun Belum Terima bagi Urusniaga Pertukaran

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Pelbagai Penghutang	1,336,854	3,020,325
Kerugian Penjejasan Terkumpul	(507,942)	(577,144)
	828,912	2,443,181
Pendahuluan	253,910	98,819
Pinjaman pekerja:	764,593	895,219
• Pembiayaan Komputer	52,126	51,865
• Pinjaman Kenderaan	712,467	843,354
Deposit	7,089,092	6,966,446
Bayaran Terdahulu	4,546,147	2,729,313
	13,482,654	13,132,978
Analisis:		
Semasa	8,299,266	5,074,195
Bukan Semasa	5,183,388	8,058,783
	13,482,654	13,132,978

Tiada kadar faedah dikenakan untuk penghutang lain manakala pinjaman kakitangan adalah 4% setahun. Tempoh bayaran balik adalah 30 hari kecuali bagi pinjaman kakitangan.

	Tidak Lampau Tempoh Atau Terjejas	Lampau Tempoh Tetapi Tidak Terjejas			
		< 30 Hari	30 – 90 Hari	90 – 180 Hari	> 180 Hari
	RM	RM	RM	RM	RM
Pendahuluan	253,910	–	–	–	–
Pinjaman Kakitangan	764,593	–	–	–	–
Deposit	7,089,092	–	–	–	–
Pelbagai Penghutang	214,552	121,828	125,495	94,270	481,905

Selain daripada pembiayaan komputer yang tidak bercagar, pinjaman kenderaan adalah dijamin oleh gadaian ke atas aset berkenaan yang memihak kepada MIDA. Risiko kredit ke atas pinjaman kakitangan adalah kecil, amaun yang tertunggak boleh dibayar balik secara bulanan melalui potongan gaji.

Penjejasan terkumpul pinjaman dan akaun belum terima adalah seperti berikut:

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Pada 1 Januari 2017	577,144	–
Dibayar sepanjang tahun	(176,130)	–
Penjejasan semasa	106,928	577,144
Pada 31 Disember 2017	507,942	577,144

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)
7. Tunai dan Kesetaraan Tunai

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Tunai Dalam Tangan	28,122	31,922
Tunai di Bank	23,088,403	62,390,900
Deposit Jangka Pendek dengan Institusi Kewangan Berlesen	80,472,110	170,923,000
	103,588,635	233,345,822

Tunai di bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Deposit dibuat untuk tempoh yang berbeza, bergantung kepada keperluan tunai segera MIDA dan pendapatan faedah. Purata wajaran kadar faedah pada 31 Disember 2017 adalah 3.48% (2016: 3.48%). Deposit ini adalah terhad untuk kegunaan projek yang diluluskan.

8. Akaun Belum Bayar

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Pelbagai Pemiutang	14,880,358	21,793,180
Wang Jaminan Pelaksanaan	1,591,628	4,777,590
	16,471,986	26,570,770
Deposit Diterima	3,700	2,400
Perbelanjaan Terakru	5,029,195	3,700,816
	21,504,881	30,273,986
Analisis:		
Semasa	20,012,648	28,863,753
Bukan Semasa	1,492,233	1,410,232
	21,504,881	30,273,985

Pemiutang jangka pendek adalah tidak dikenakan faedah dan jangka purata satu bulan.

9. (i) Geran Tertunda: Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)

	Dana Pelaburan Strategik, Dana Projek Berimpak Tinggi Dan Dana Strategik Pelaburan Tempatan	Dana Menaik Taraf Dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada	Kajian-Kajian Perindustrian & Lain-Lain	2017 Jumlah	2016 Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	176,355,332	(3,758,489)	–	172,596,843	105,728,488
Diterima pada Tahun Semasa	301,701,000	12,500,000	26,300,000	340,510,000	554,004,584
Pindahan Faedah ke Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus	(30,000,000)	–	–	(30,000,000)	(32,317,000)
Pelarasan Akaun Mengurus	7,689,742	–	–	7,689,742	–
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(414,105,941)	(5,887,948)	(10,684,457)	(430,678,346)	(454,819,229)
Pada 31 Disember	41,649,133	2,853,563	15,615,543	60,118,239	172,596,843

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)
9. (ii) Geran Tertunda: Akaun-Akaun Khas (Mengurus)

	Akaun Sumbangan	NKEA	2017 Jumlah	2016 Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	510,728	100,001	610,729	417,012
Diterima pada Tahun Semasa	307,912	–	370,912	334,137
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(291,375)	–	(291,375)	(140,420)
Pada 31 Disember	590,265	100,001	690,266	610,729

(iii) Geran Tertunda: Akaun Pembangunan MIDA

	2017 (RM)	2016 (RM)
Pada 1 Januari	10,225,914	11,391,945
Diterima pada Tahun Semasa	5,000,000	–
Faedah atas Deposit di Bank	8,768,237	9,011,075
Pelarasan Akaun Khas	(7,689,742)	–
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(13,673,752)	(385,035)
Susutnilai dan Pelunasan	(2,925,868)	(16,456,445)
Pelarasan ke Kumpulan Wang Terkumpul Mengurus	10,521,125	7,830,405
Diterima pada Tahun Semasa	5,000,000	–
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(9,281,156)	(1,166,031)
Pada 31 Disember	5,944,758	10,225,914
Jumlah Geran Tertunda	66,753,263	183,433,486

10. Peruntukan Imbuan Tahunan

	2017 (RM)	2016 (RM)
IMBUHAN TAHUNAN PRESTASI		
Pada 1 Januari	2,581,294	–
Imbuan Tahunan Dibayar	(2,581,294)	–
Peruntukan Semasa	2,206,133	2,581,294
Pada 31 Disember	2,206,133	2,581,294

Imbuan Tahunan Prestasi terakru kepada kakitangan pada asas tahunan tertakluk kepada pencapaian prestasi yang telah ditetapkan. Peruntukan ini adalah satu anggaran amaun yang kena dibayar kepada kakitangan dalam perkhidmatan MIDA pada tarikh laporan berdasarkan penilaian prestasi kakitangan dengan mengambil kira trend prestasi dan adanya bajet untuk Imbuan Tahunan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

11. Manfaat Pekerja

	2017 (RM)	2016 (RM)
Pada 1 Januari	11,424,955	11,062,713
Pelarasan	(19,945)	(2,354)
Caruman Dibayar	(963,180)	(805,043)
Pertambahan Caruman	1,044,032	1,169,639
Pada 31 Disember	11,485,862	11,424,955
Analisis:		
Semasa	384,494	760,474
Bukan Semasa	11,101,368	10,664,481
	11,485,862	11,424,955

Pelan manfaat pasca pekerjaan adalah anugerah wang tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Hadiah wang tunai ini diberikan kepada pekerja yang tidak dapat menggunakan semua cuti mereka sehingga maksimum 150 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Dalam peralihan kepada asas akruan MPSAS, MIDA telah mengambil peluang menggunakan pengecualian peralihan ini untuk pelan manfaat selepas pekerjaan. Dalam tempoh peralihan ini, MIDA tidak diperlukan untuk mengubah dasar perakaunannya berkenaan dengan pengukuran liabiliti ini. Oleh itu, MIDA tidak dapat membuat pernyataan yang eksplisit dan secara terang-terangan tentang pematuhan MPSAS Asas Akruan dalam penyediaan penyata kewangan peralihan MPSAS bagi tempoh pelaporan ini. MIDA bercadang untuk mengiktiraf dan/atau langkah selepas pekerjaan pelan manfaat yang ditakrifkan pada 31 Disember 2018.

12. Aset Bersih

	2017 (RM)	2016 (RM)
(i) KUMPULAN WANG TERKUMPUL MENGURUS		
Pada 1 Januari	168,250,522	174,461,724
Penerimaan daripada Faedah Akaun-Akaun Khas (Pembangunan)	30,000,000	32,317,000
Diterima pada Tahun Semasa	146,672,000	145,374,600
Faedah atas Deposit di Bank	147,583	323,844
Pendapatan / Keuntungan Lain	3,247,411	2,112,492
Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(185,306,215)	(179,674,764)
Pelarasan Akaun Pembangunan	(15,521,125)	(7,830,405)
Pelarasan Belanja Dibayar pada Tahun Semasa	(11,818)	
Pendapatan Tertunda dari Akaun Pembangunan	9,281,156	1,166,031
Pada 31 Disember	156,759,514	168,250,522
(ii) KUMPULAN WANG TERKUMPUL PINJAMAN KENDERAAN		
Pada 1 Januari / 31 Disember	3,000,000	3,000,000
(iii) KUMPULAN WANG TERKUMPUL PEMBIAYAAN KOMPUTER		
Pada 1 Januari / 31 Disember	350,000	350,000

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

13. Pindahan daripada Geran Kerajaan

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Geran tanpa syarat:		
Geran Kerajaan - Operasi	146,672,000	145,374,600
	146,672,000	145,374,600

14. Pendapatan Sewaan

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Sewa Hartanah Pelaburan	439,920	388,800
Sewa Ruang Pejabat	150,256	58,102
Sewa Tempat Letak Kereta	216,199	214,831
Lain-Lain	28,302	-
	834,677	661,733

15. Pendapatan Faedah / Keuntungan Hibah

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Faedah Deposit di Bank	8,879,534	9,299,340
Faedah Pinjaman Kenderaan	31,156	34,233
Keuntungan Pembiayaan Komputer	1,924	846
Faedah atas Deposit	3,208	499
	8,915,822	9,334,918

16. Upah, Gaji dan Manfaat Pekerja

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Gaji dan Upah	65,204,883	63,360,438
Elaun Tetap	9,411,257	10,002,134
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	11,306,971	11,832,428
Elaun Lebih Masa	1,494,380	1,490,460
Faedah-Faedah Kewangan Lain	8,633,538	15,097,765
	96,051,029	101,783,225

17. Belanja Susutnilai dan Pelunasan

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Hartanah, Loji, dan Peralatan	3,277,566	17,193,407
Aset Tak Ketara	320,702	45,279
	3,598,268	17,238,686

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

18. Belanja Lain

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Pengangkutan Barang-Barang	753,708	1,133,592
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	15,125,957	1,632,276
Bayaran-Bayaran Lain	2,914,787	1,209,636
Hapuskira Peralatan	167	5,768
	18,794,619	3,981,272

19. Pendedahan Pihak Berkaitan

Pengurusan utama seperti yang ditakrifkan oleh MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan, adalah ahli-ahli Pengarah, yang bersama-sama membentuk badan pengelola MIDA. Jumlah Ganjaran ahli-ahli Pengarah, sepenuh masa yang menerima saraan daripada MIDA adalah:

	31 Disember 2017	31 Disember 2016
Jumlah Ganjaran	RM 908,370	RM 1,052,154
Bilangan orang	13 orang	13 orang

Ganjaran Pengurusan Utama

	31 Disember 2017 (RM)	31 Disember 2016 (RM)
Gaji	468,748	466,736
Elaun	401,310	440,843
Imbuhan Prestasi	38,312	144,575
	908,370	1,052,154

* Elaun termasuk perjalanan, kenderaan, penginapan, sara hidup dan elaun lain.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

20. Instrumen Kewangan - Pengurusan Risiko Kewangan

Pendedahan kepada mata wang asing, kadar faedah, kecairan dan risiko kredit timbul dalam perjalanan biasa operasi MIDA. Nota ini membentangkan maklumat mengenai pendedahan MIDA untuk setiap risiko di atas, dasar dan proses bagi mengukur dan menguruskan risiko dalam pengurusan dana MIDA. Pendedahan kuantitatif selanjutnya dimasukkan di dalam penyata kewangan ini.

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan dimasukkan pada jumlah di mana instrumen tersebut boleh ditukar dalam urusan niaga semasa antara pihak yang sanggup. Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan lebih kurang jumlah yang dibawa pada akhir tempoh pelaporan kewangan.

Risiko Kredit

Risiko kredit merujuk kepada kerugian kewangan kepada MIDA sekiranya pelanggan atau rakan niaga kepada instrumen kewangan telah gagal memenuhi obligasi kontraknya di tarikh imbalan adalah risiko maksimum kredit dan secara prinsipalnya adalah daripada penghutang dan tunai dan kesetaraan tunai MIDA. Amaun bawaan aset kewangan di tarikh imbalan adalah risiko maksimum kredit.

Kualiti kredit

Kualiti kredit adalah risiko ingkar rakan niaga yang diberi kredit oleh MIDA. Oleh itu, penilaian kredit diperluaskan kepada pelanggan MIDA.

Pelanggan MIDA terdiri daripada individu dan syarikat. Penarafan kredit, dari agensi penarafan luar, tidak mudah didapati untuk semua pelanggan. Selain itu, adalah tidak berbaloi dari sudut kewangan untuk mendapatkan penarafan kredit luaran untuk semua pelanggan kerana asas pelanggan yang berbeza. Bagi maksud menentukan kualiti pelanggan kredit, MIDA menggunakan pengalaman lalu dalam menentukan risiko kredit pelanggan tersebut.

Belum Terima Daripada Urus Niaga Pertukaran

Jumlah belum terima daripada urus niaga pertukaran adalah jumlah terhutang oleh individu dan syarikat dinyatakan selepas ditolak kerugian penjejasan.

MIDA mempunyai dasar risiko kredit dan pemantauan pendedahan kepada risiko kredit dilakukan dengan kerap. Tiada sebarang perubahan ketara dalam pendedahan kepada risiko kredit dan objektif, polisi dan proses untuk menguruskan dan mengukur risiko pendedahan kredit pada tahun kewangan.

Pendedahan maksimum MIDA kepada risiko kredit diwakili oleh nilai bawa setiap aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangan. MIDA tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara, dengan pendedahan yang tersebar di sebilangan besar individu, dan tidak tertumpu di mana-mana sektor tertentu atau kawasan geografi. MIDA menetapkan peruntukan untuk penjejasan nilai yang mewakili anggaran kerugian yang dijangkakan berkenaan dengan penghutang.

Tunai dan Kesetaraan Tunai

MIDA menghadkan pendedahannya kepada risiko kredit dengan melabur wang tunai dan kesetaraan tunai dengan institusi kewangan yang diiktiraf Kementerian Kewangan Malaysia dan menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Tunai MIDA. Oleh itu, MIDA menganggap tiada sebarang pendedahan yang ketara kepada risiko kredit.

Risiko Kecairan

Risiko kecairan adalah risiko MIDA tidak dapat memenuhi obligasinya apabila tiba masanya. Pendekatan MIDA untuk menguruskan risiko kecairan adalah untuk memastikan tunai yang mencukupi boleh didapati untuk memenuhi liabiliti apabila perlu, tanpa menyebabkan kerugian yang tidak boleh diterima atau risiko kerosakan kepada reputasi MIDA. MIDA memastikan bahawa ia mempunyai tunai yang mencukupi apabila diminta untuk memenuhi perbelanjaan operasi dijangka melalui jangkaan aliran tunai.

	Dalam Tempoh	< 30 Hari	30-180 Hari	>180 Hari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM
2017					
LIABILITI					
Pelbagai Pemiutang	2,876,812	12,000,000	15,678	1,579,496	16,471,986

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

20. Instrumen Kewangan - Pengurusan

Risiko Kewangan (samb.)

Risiko Pasaran

Risiko pasaran adalah risiko perubahan dalam harga pasaran seperti kadar pertukaran asing dan kadar faedah, menjejaskan pendapatan MIDA atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter boleh diterima, di samping mengoptimalkan pulangan risiko.

Polisi bagi pengurusan setiap risiko ini adalah seperti berikut:

Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

MIDA terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing dalam operasi 23 cawangan luar negara. Pendedahan kepada MIDA yang timbul daripada risiko pertukaran mata wang asing adalah minimum. MIDA memantau risiko dengan menghantar kiriman wang sekali dalam tempoh dua (2) bulan. Baki mata wang asing ditukar menggunakan kadar Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Risiko Kadar Faedah

MIDA terdedah kepada risiko kadar faedah kerana MIDA melabur dana dalam kadar faedah tetap dan terapung. Risiko ini diuruskan di peringkat MIDA menurut dasar pengurusan risikonya. Kadar faedah purata wajar dan profil kematangan ke atas surat cara kewangan pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

	Kadar Purata Kewajaran Faedah	3 Bulan Atau Kurang
	RM	RM
ASET KEWANGAN		
Tunai dan Kesetaraan Tunai	3.48%	80,472,110

21. Komitmen Modal

Perbelanjaan modal yang dikontrakkan pada akhir tahun kewangan tetapi belum ditanggung adalah seperti berikut:

	31 Disember 2017 RM	31 Disember 2016 RM
Hartanah, Loji dan Peralatan	–	838,736
Aset Tak Ketara	840,933	1,797,799
	840,933	2,636,535

22. Sewa Pajak Operasi

MIDA sebagai Pemajak

Bayaran pajak minima masa depan di bawah pajak operasi yang tidak boleh dibatalkan:

	31 Disember 2017 RM	31 Disember 2016 RM
BANGUNAN		
Kurang setahun	38,241,586	31,401,539
2 hingga 5 tahun	29,652,951	31,777,502
Melebihi 5 tahun	3,958,490	4,347,413
	71,853,027	67,526,454

Bayaran pajak minima diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun semasa	28,708,403	27,803,596
---	------------	------------

MIDA sebagai Pemberi Pajak

Pendapatan pajak minima masa depan di bawah pajak operasi yang tidak boleh dibatalkan:

	31 Disember 2017 RM	31 Disember 2016 RM
HARTANAH PELABURAN		
Kurang Setahun	388,800	388,800
BANGUNAN		
Kurang Setahun	168,000	163,500

MIDA menyewakan bangunan hartanahnya di bawah pajak operasi. Pendapatan diperolehi daripada sewa bangunan da hartanah ialah RM556,800 (2016: RM552,300). Tiada hartanah dilupuskan sejak 31 Disember 2017.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2017 (samb.)

23. Cukai

MIDA telah diberikan pengecualian cukai berdasarkan surat Kementerian Kewangan bertarikh 5 Februari 2015 [Rujukan P.U.(A) 158/1987 {Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (bil.24)1987}.

24. Peralihan ke MPSAS

Asas Peralihan ke MPSAS

Asas peralihan dan tarikh penggunaan MPSAS untuk MIDA adalah 1 Januari 2016.

Penyesuaian Aset Bersih Pada 1 Januari 2016

	Aset Bersih Pada 1 Januari 2016 (RM)
Baki awal aset bersih pada 1 Januari 2016	295,014,601
Pelarasan:	
• Pengiktirafan Akaun-Akaun Khas	(105,810,931)
• Pelarasan Geran Tertunda Pembangunan	(17,603,147)
Baki awal aset bersih dinyatakan semula pada 1 Januari 2016	171,600,522

Penjelasan Peralihan kepada MPSAS

